



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK KADIR B. YAAKUB

PEMILIK SEBAHAGIAN BESAR TANAH DI KAWASAN TASIK LELAYANG MANDI

OLEH:

NABILAH BT OMAR	2013302359
FATIMAH BT MOHD SHAUKI	2013315363

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC-JULAI 2016)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK KADIR B. YAAKUB
PEMILIK SEBAHAGIAN BESAR TANAH DI KAWASAN TASIK LELAYANG MANDI

OLEH:

NABILAH BT OMAR 2013302359
FATIMAH BT MOHD SHAUKI 2013315363

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC-JULAI 2016)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Di awal permulaan bicara, kami merafakkan sepenuh kesyukuran kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kami dapat menyelesaikan tugasan pendokumentasian sejarah lisan di bawah kod subjek IMR 604 dengan penuh jayanya.

Kami menjulang dengan penuh penghargaan dan terima kasih kepada Puan Nor Kamariah Bt Chik, Pensyarah matapelajaran “Oral History” (IMR604), di atas kesudian beliau meluangkan masa dalam memberikan tunjuk ajar dan juga tidak jemu memberi dorongan sepanjang menjayakan pendokumentasian sejarah lisan ini. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dengan ucapan terima kasih kepada ayahanda Tn.Hj Omar bin Othman dan bonda Pn.Hjh Che Munah Bt Mat yang merupakan ibu bapa kepada penyelidik Nabilah Bt Omar yang tidak jemu membantu kami dalam pencarian tokoh untuk menyelesaikan kajian kami tepat pada waktunya.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Zul Bin Abu Bakar yang merupakan saudara terdekat keluarga penyelidik dengan penuh bersemangat membantu kami dan sanggup tinggalkan kerja beliau seketika untuk menolong kami dalam mendapatkan calon tokoh. Kemudian, ucapan terima kasih juga kepada Nur Syahira Bt Mat Nawi yang merupakan kawan karib penyelidik dek kerana sudi meluangkan masa bersama-sama dan turut sudi membantu kami untuk ke lokasi rumah tokoh yang berhampiran dengan rumah beliau.

Seterusnya, ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Encik Siri Neng Buah dek kerana tidak jemu dalam berkongsi ilmu dan maklumat semasa proses pencarian calon tokoh. Jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan sekelas kami yang banyak membantu kami secara langsung dan tidak langsung sepanjang proses merealisasikan tugasan ini. Terima kasih daripada kami, tanpa bantuan dari kalian maka tidak lengkaplah kajian kami ini. Akhir bicara, terimalah pantun dari kami sebagai renungan di masa akan datang.

*Kuning emas masaknya padi,
Mawar merah dalam jambangan,
Terima Kasih daun keladi,
Budi anda jadi kenangan.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK

MUKA SURAT

Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Tasik Lelayang Mandi dan Puteri Saadong	01- 41
Bahagian 2: Biodata Encik Kadir Yaacub	42-49
Bahagian 3: Tragedi Tasik Lelayang Mandi.....	50-60
Lampiran	
Log Wawancara.....	61- 63
Diari Kajian.....	64- 66
Senarai Soalan.....	67- 70
Surat Perjanjian.....	71
Gambar.....	72- 74
Indeks.....	75

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar mengenai Tasik Lelayang Mandi yang berlokasi di Kampung Padang Raja,Melor Kelantan. Tasik ini telah wujud pada zaman Puteri Saadong satu ketika dahulu. Sebalik namanya yang indah dinamakan Tasik Lelayang Mandi dek kerana pada setiap tahun akan datangnya burung laying-layang mandi manda di tasik ini dan nama itu dikekalkan sehingga sekarang. Selain itu juga, kisah tasik dan Puteri Saadong di mana merupakan tempat raja-raja bermandi manda. Di sebalik itu juga, belakunya tragedi Puteri Saadong telah membunuh suaminya Raja Abdullah selepas baginda pulang dari Raja Siam dek persengkataan berlaku. Malah di tasik ini juga pada zaman dahulu, terdapat kisah mengenai tiga ekor buaya yang berlainan warna berkait rapat dengan Puteri Saadong.

Kata kunci: *Tasik Lelayang Mandi, Puteri Saadong, burung layang-layang,*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Gambar 1: Wajah Encik Kadir bin Yaakub

Nama	Kadir bin Yaakub
Tarikh Lahir	24 Januari 1947
Umur	69 tahun
Alamat	Kampung Padang Raja, 16400 Melor, Kelantan.
Bilangan adik- beradik	3 orang (pencerita adalah anak bongsu)
Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none">• Penoreh getah• Imam di Surau berhampiran rumah beliau.
Nama isteri	Zaharah Bt Zaid
Umur isteri	63 tahun
Bilangan anak	8 orang
Nama anak-anak	<ol style="list-style-type: none">1. Zahrulwati2. Zaidi3. Zaidah (meninggal dunia akibat kemalangan)4. Suhaidah5. Ayuzi6. Hasafalina7. Muhd Alif8. Muhd Hakimi

PENGENALAN

PENGENALAN

Puteri Saadong dan Raja Abdullah di ancam oleh Siam maka mereka telah berpindah ke Melor, di sini terletaknya Tasik Lelayang Mandi di mana tempat beliau dan suaminya bersemayam. Ianya menggambarkan keindahan Tasik Lelayang Mandi sejajar dengan namanya yang indah di mana tempat raja-raja mandi seolah-olah taman. Kemudiannya, terdapat kisah tentang kesaktian Puteri Saadong dan juga wujudnya tiga ekor buaya yang berlainan warna dan jenis berkait rapat dengan Puteri Saadong. Tambahan pula, terdapat juga cerita yang berkaitan tentang Puteri Saadong telah membunuh suaminya sendiri di atas sebab suaminya, Raja Abdullah menikahi perempuan lain dan tidak menunggu kepulangan Puteri Saadong yang telah di bawa pulang oleh Raja Siam.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Tasik Lelayang Mandi. Tasik Lelayang Mandi di mana tempat Puteri Saadong dan suaminya bersiram. Ianya menggambarkan keindahan Tasik Lelayang Mandi sejajar dengan namanya yang indah di mana tempat raja-raja bersiram seolah-olah taman. Berikut adalah hasil rakaman bersama Encik Kadir Yaakub.

Petunjuk:
EKY: Encik Kadir Yaakub
NO: Nabilah Omar
FMS: Fatimah Mohd Shauki

BAHAGIAN 1: TASIK LELAYANG MANDI DAN PUTERI SAADONG

EKY : Burung *laye-laye* [layang-layang] *ni dio jadi peroan diolah* [ini burung jagaan atau pemeliharaan Puteri Saadong]. *Kalu dio mari* [kalau Puteri Saadong datang ke Tasik Lelayang Mandi] *dio burung laye-laye tu ikut kot atah* [burung layang-layang itu terbang di atas]. *Dio* [burung layang-layang] *ikut turut mari* [mengikut sekali]. *Nak oyaknyo sapa ko maso loni burung laye-laye mari* [ingin diberitahu sehingga ke hari ini burung layang-layang datang ke tasik ini]

FMS *Hop tadi warna puteh tuh ko? [Adakah burung yang berwarna putih itu ke?] (Bunyi burung)*

EKY : Musim banjir *dio* [burung layang-layang] marilah *sapa ko loni lah tuh* [sehingga kini] musim banjir sampai burung layang-layang itu. *Laye-laye ni laye-laye pulau nuh lah laye-laye putih sapa ko hari ni hop saya kata sakni deknih maknonyo tiap-tiap tahun tuh dio maghi musim banjir dio mari rama dio mari urung* [burung layang-layang putih ini datang secara berkumpulan daripada pulau pada setiap tahun ketika musim banjir]. *Lagi tepat Puteri Saadong mandi tuh dio tanah pasir putih lepas tuh dio tepat pasir tuh kea dio ada air mato, jadi air lupo nih dio tok leh mari air lupo ko air keruh maknonyo pasal air mato duk tendey nilah bendonyo maknonyo gini jah tepat dio mandi air turun tuh jernih supo air mato lah bendo lain tok ley mari pasa air mato duk tendey nih jadi jernih deknih jolo dh tuh deknih mandilahh* [tempat Puteri Saadong mandi pasirnya berwarna putih dan mempunyai mata air, air lumpur tidak akan dapat mengalir masuk ke dalam kolam kerana mata air menghalangnya]. *Lepas tuh sebelum dio kalu tiap-tiap dio maghi burung laye tuh marilah* [selepas itu, burung layang-layang datang ke tasik]. *Lepas tuh sungai sakni kato boyo saknilah* [selepas itu, sungai yang dinyatakan itu terdapat buaya ketika itu] *buleh jadi boyo nih peroan dio jugok tigo ekor boyo sakni* [kemungkinan juga tiga ekor buaya tersebut merupakan haiwan pemeliharaan Puteri Saadong]. *Boyo putih, tembago, boyo itey* [buaya yang berwarna putih, keemasan dan hitam]. *Dio tigo nih duk turut duk jago diolah* [tiga [3] ekor buaya tersebut menjaga

Puteri Saadong ketika berada di Tasik Lelayang Mandi pada ketika itu] *doh kot darak soh ulu baley dio deknih* [di daratan hulubalang Puteri Saadong yang menjaganya]. *Mano kot atah burung laye duk ambik perhatian* [di mana dari atas burung layang-layang memberi perhatian dalam menjaga Puteri Saadong di tasik tersebut] *nok oyaknyo jagoan tuh peroan dio belako lah* [untuk makluman, semua binatang yang menjaga Puteri Saadong merupakan pemeliharaannya]. *Boyo, burung laye-laye sakni tepat dio mndi ado demo nih duk jago* [dikatakan buaya dan burung layang-layang yang menjaga Puteri Saadong semasa bersiram]. *Keramate dio tuh* [itulah kerahmatan atau tuah yang dimiliki Puteri Saadong]. *Sebabnyo kalu kito sdiri gi daley utey pon tahu bendo hutan ni* [jika kita sendiri masuk ke dalam hutan, kita akan faham tentang sesuatu perkara di hutan]. *Kalu burung lah kato nih, burung* [misalnya burung] *Kalu ado rima* [kalau ada harimau berhampiran kita di hutan] *burung tuh dio buleh royak* [burung itu memberi petanda atau isyarat] *sereh-sereh terbey pung g dio oyak pah burung mari pulop summmmm* (sambil meniru bunyi sekumpulan burung yang terbang) [seolah-olah kita akan dengar bunyi sayap burung terbang ke sana ke mari memberi isyarat] *rimalah tuh, kalu burung* [melalui burung tersebut menyedarkan orang sekeliling bahawa ada harimau akan datang]. *Kalu kero dio tegur lagu lain plop tegur rima nih* [kalau kera akan bagi berlainan isyarat bunyi tentang kehadiran harimau] *kalu rima dio tegur bunyi solo kasar* [kalau harimau datang, kera akan berbunyi kasar] *kroooook kroooook* (sambil meniru bunyi kera). *Kalu ular bunyi solo lain* [kalau ular berlainan pula isyarat bunyi] *kreehhh*

(sambil meniru bunyi ular), *gitu ular* [begitulah isyarat ular berada berhampiran kita]. *Kalu kito masuk hutan tuh kita kene perati menate sakni dio tahu, dio oyak doh kito tuh* [Jika kita masuk ke hutan, kita kena perhatikan isyarat bunyi-bunyi binatang yang dinyatakan tadi, sebab mereka tahu dan bagi isyarat kepada kita untuk berwaspada]. *Caro-caro dio kea sakni* [Cara-caranya begitulah]. *Sabit kato kalu Puteri Saadong dio tahulah kerano burung laye tuh duk jago ko atah tuh, burung laye lalu kot atah dio tahulah* [Puteri Saadong, baginda tahu isyarat yang ditunjukkan oleh burung layang-layang yang terbang di atasnya]. *Maknonyo syarat-syarat dio keno ado payung, makno dio tahu lah* [Menunjukkan bahawasanya bunyi-bunyian dari binatang merupakan isyarat petanda bahaya sudah di fahami]. *Jadi kito ore kapung ni buleh tahu nak oyak ado bendo* [Jadi kita sebagai orang kampung di sini boleh tahu jika ada sesuatu yang pelik], *bendo tuh mari* [isyarat bunyi dari haiwan seperti burung dan kera itu], *ado bendo tuh oyak gini-gini* [menyatakan ada sesuatu yang berbahaya akan datang]. (Bunyi burung)

NO : Jadi kito boleh tahu, *kalu* [kalau] *bunyi natey* [melalui bunyi isyarat binatang]? (Bunyi burung)

EKY : *Nate tuh nak oyaknyo, kalu tepat bahaya pon lagu tuh jugok, burung-burung* [Binatang itu ingin memberitahu bahawa tempat itu berbahaya dan isyaratnya seperti burung terbang]. Masuk *hutey* [hutan] burung-burung *oyak bendo nih gini-gini* [bagi isyarat seperti ini]. *Kero pon oyak gini-gini* [begitu juga dengan bunyi isyarat kera]. *Lepas tuh masaloh tepat dio mandi sakni-saknilah air jernih supo air mato* [Selepas itu, tempat Puteri Saadong mandi airnya sangat jernih seperti mata air]. Jernih, *comey* [cantik], *jadi dio nok mandi nak mari mandi* [mandilah Puteri Saadong di situ]. *Dio ado gi Melor Lamo nuh* [Puteri Saadong pergi ke *Melor Lama* [nama tempat yang berhampiran dengan Kampung Jambu Merah]. *Tepat tamey dio nuh, Melor lamo tuh* [tempat taman baginda di sana, di Melor lama]. *Dio situ lah kebun bungo dio nyoh* [di situlah kebun bunga Puteri Saadong]. (Bunyi burung)

NO : *Alik mano tuh? [Di manakah?]*

EKY : *Melor lamo nuhlah Kubey Tin* [Di Melor iaitu di Kubang Tin [nama kampung]].
Masuk *lah ke daley ado* [terus ke sana sehingga jumpa], *ado masjid Melor lamo* [Masjid Melor Lama].

FMS : *Situ lah taman bungonyo? [Di situlah terletaknya taman bunga Puteri Saadong?]* (Bunyi burung)

EKY : *Ho [Ya] situlah tamey bungo dio nyo [taman bunga Puteri Saadong].*

NO : *Tu jadi nama Melor tuh? [Jadi itulah kisah terjadinya nama tempat Melor?]* (Bunyi burung)

EKY : *Ho [Ya] bungo [bunga] melor. Dio [kisahnya] mari kot keda melor [datang ke kedai Melor [pasar Melor sekarang ini]] pasal bungo tu ore mari jual bungo kat keda melor nih, dio mari duk keda melor [bungo melor di jual di Pasar Melor]. Gitulah [begitulah]. Lepah tuh dio sakni cukup-cukup hebak Puteri Saadong nih [selepas itu, Puteri Saadong seorang yang sangat hebat]. Ore ngambuk panjey rapat ko kaki deh [orangnya rambut panjang hingga ke kaki], kito kato rapat ko keting deknih [boleh di katakan sampai keting kaki]. Panjey rambut dio ni [panjang rambut Puteri Saadong], panjey [panjang]. Ore comey tok ley lah nak tanding [orangnya cantik tidak boleh ditandingi]. Lepah tuh tahu berito di Siam [Selepas itu dapat berita kepada Raja Siam tentang kecantikan Puteri Saadong]. Marilah siam tuh [itu] lalu siam [Raja Siam] tuh nak ambik Puteri Saadong [itu datang untuk membawa Puteri Saadong ke Siam]. “Nak oyak dengan caro cepat ni anok” [Encik Kadir Yaakob memberitahu penyelidik ingin bercerita secara ringkas sahaja]. Lepah tuh jadi perang duo tuh [selepas itu terjadilah perang antara Puteri Saadong dan Raja Siam] perey perey perey [berlaku pergaduhan]*

besar anta Puteri Saadong dan Raja Siam]. *Haloh lah* [Kalahlah] Puteri Saadong. *Pabilo haloh* [Apabila kalah] Puteri Saadong lari. *Puteri Saadong tuh tok cekak-cekak lari* [Puteri Saadong tidak mampu untuk lari dari ancaman Raja Siam lagi]. *Pasal nujum dio nih* [kerana nujum Raja Siam ini], *nujum sangat cukup-cukup bijok* [nujum yang teramat handal]. Duduk *duano* [mana-mana] *pon dio cari jupo* [dicarinya sampai jumpa]. Akhir sekali *dia* [Puteri Saadong], *mitok kat Rajo Dollah* [meminta izin dengan suaminya, Raja Abdullah] *dio nak gi* [Puteri Saadong ingin pergi mengikuti Raja Siam]. *Nak tahu kelebihey raja siam nih* [Untuk makluman, kuasa kelebihan yang ada pada Raja Siam sehingga dapat menjelaki Puteri Saadong]. Lalu *Rajo Dollah pon senyap dok leh kato* [Raja Abdullah senyap terkata]. *Tapi dio gi jupo lah demo nih pon sambutey* [Pergilah Puteri Saadong serahkan diri kepada Raja Siam]. *Ho sambutey dop mudoh deknih* [Sambutan besar-besaran], *ho mugo ore nak seroh* [disebabkan Puteri Saadong menyerah] diri. *Raja Siye sambutan cukup-cukup mewoh* [Raja Siam mengadakan sambutan yang sangat mewah]. *Lepah tuh dio gi duduk denuh* [Selepas itu, Puteri Saadong tinggal di Siam], *bowok itu pengasuh dio* [baginda membawa pengasuhnya] Cik Siti Wan Kembey [Kembang]. *Dio gi lah* [maka pergilah Puteri Saadong] *bowok hulu baley sorang duo gi sapa kenuh* [bawa beberapa orang hulubalangnya ke Siam]. (Bunyi burung)

FMS : *Sapa Siam tuh? [Siapakah? Adakah ke Siam?] (Bunyi burung)*

EYK : *Sapa ko siam nuh* [Sehingga ke Siam]. *Siam tuh tunjuk tepat, duduk duluh* [Raja Siam tunjukkan tempat untuk Puteri Saadong tinggal]. Puteri Saadong tinggal beberapa hari. Raja Siam ini masuk, *gi dekat dio* [Raja Siam menghampiri Puteri Saadong]. Puteri Saadong marah dengan kelakuan Raja Siam. Puteri Saadong berkata. “*Tuanku tok leh mari* [tidak boleh menghampiri] sini, *tuanku ni ore kapir* [ini orang kafir], *sayo ore* [saya orang] Islam *tok leh* [tidak boleh] masuk dekat” (Encik Kadir Yaakub berdialog) *dio kato* [kata Puteri Saadong]. Lalu Raja Siam masuk *semacey* [juga]. *Masuk tuh* [masuk juga] *dio ludoh, dio ludoh keno dado* [Puteri Saadong meludahkan air liurnya terkena dada Raja Siam]. Lalu Raja Siam *tuh terkejuklah, kene air liur* [terkejut kerana terkena air liur Puteri Saadong]. *Kejut tuh sakit* [Raja Siam terkejut maka jatuh sakit]. Raja Siam memanggil nujumnya. *Duk beberapa haghi panggil nujum dio* [dalam beberapa hari nujum Raja Siam mengadapnya]. *Lalulah nujum dio pon kato kalu nok suh sembah penyakit ni* [Nujum berkata jika hendak sembah penyakit ini]. *Dio kene mandi dengan air tapok* [Raja Siam perlu mandi dengan air dari tapak kaki Puteri Saadong]. *Lepah tuh lalu dio takot bena dio ingat bena ko nujum dio nih* [Raja Siam takut akan kenyataan oleh nujumnya itu]. *Mugo dio cayo bena ko nujum dio nih* [sebab Raja Siam percayakan nujumnya itu]. *Rajo sakni dio suh* [Raja Siam menyuruh] Puteri Saadong buat. Puteri Saadong memberi syarat, *keno ata dio duluh* [perlu hantar Puteri Saadong pulang ke pangkuhan suaminya]. *Dio kato dio dok buleh dio kato* [Raja Siam tidak bersetuju]. (Bunyi burung)

FMS : *Tok ley plop? [Tidak boleh pula?] (Bunyi burung)*

EKY : *Tok buleh* [air kaki Puteri Saadong tidak boleh]. *Dio keno ata dio baru dio buleh buwi air tapok kaki* [hantar Puteri Saadong pulang barulah dapat diberikan air tapak kaki baginda]. *Lepah tuh baru dio pon sangguplah* [selepas itu Raja Siam sanggup untuk hantar Puteri Saadong pulang], *apabilo dio sanggup sakni mari atalah* [apabilah sanggup maka dihantar Puteri Saadong pulang]. *Mari ata* [maka di hantarnya] barulah *dio buwi air basuh kaki dio* [Puteri Saadong berikan air basuhan tapak kakinya]. *Buwi ko Rajo Siam wak mandi* [berikan kepada Raja Siam untuk dibuat mandi]. *Siyalah* [Sembuhlah]. *Apo ni siya Raja Riam nih* [maka sembuhlah penyakit Raja Siam ini]. *Kelik nih dio pon jupo Rajo Dolloh* [pulanglah Puteri Saadong berjumpa Raja Abdullah]. *Raja Abdullah pon marah lah* [Raja Abdullah marahkan Puteri Saadong]. “*Nak oyak dengan caro cepat nih*” [Encik Kadir Yaakub memberitahu penyelidik bahawa beliau menceritakan secara ringkas dan cepat].

FMS : **Cemburu? (Bunyi burung)**

EKY : *Ho dio cemburu* [Puteri Saadong cemburu kerana suaminya berkahwin lain]. Lalu *Rajo Dollah maroh dio* [Raja Abdullah marahkan Puteri Saadong]. Lalu *dio pon kato ko Raja Abdullah nak tahu dio dosa tok dosa, dio suh pacung tekok dio* [Puteri Saadong memberitahu suaminya Raja Abdullah jika beliau betul-betul tidak berdosa, baginda menyuruh suaminya pancung kepalanya]. *Lepah*

dio pon suruh pacung tekok [selepas dipancung kepala Puteri Saadong], lalu *suroh* [menyuruh] pengasuh *dio saknilah* [pengasuh Puteri Saadong iaitu Cik Siti Wan Kembang], *ttakuk plop* [cantumkan balik kepalanya yang dipancung itu]. *Kalu dio ttakuk kelik maknonyo dio tuh tidak berdosa* [kalau kepala yang dipancung tadi boleh bercantum semula maka beliau tidak berdosa]. *Dio oyak ko Cik Siti Wan Kembang nih* [Puteri Saadong memberitahu kepada Cik Siti Wan Kembang]. *Lalu dio pon seroh diri ko Raja Abdullah lah holo tekok* [Lalu Puteri Saadoong serahkan diri kepada Raja Abdullah dihulurnya lehernya]. *Lepas tuh Rajo Dollah pon pancung tekok dio pancung tekok dio hingga ko putuh* [Selepas itu, Raja Abdullah pancung tengkuk isterinya dipancungnya sehingga putus]. *Sebelum pacung sakni dio ambik ubat buwi ko Cik Siti Wan Kembang nih* [Sebelum kepala Puteri Saadong dipancung, Puteri Saadong memberikan ubat kepada Cik Siti Wan Kembang untuk cantumkan kepalanya apabila selesai dipancung]. *Lepah tuh dio pancung putuh* [Selepas itu, Raja Abdullah pancung kepala isterinya]. *Dio suh ambik palo ni ambik ubat ni como baru ttakuk* [Cik Siti Wan Kembang menyapukan ubat dan kepala Puteri Saadong bercantum semula]. *Tuh hop sebenar gitu* [Begitulah kisah sebenarnya]. *Lepah padey tuh pancung lah* [Selepas itu pancung kepala]. *Pabilo pancung Raja Abdullah pacung tekok dio putuh jatuh bok* [Apabila Raja Abdullah memancung kepala isterinya sehingga putus lalu jatuh ke tanah]. Lalulah Cik Siti Wan Kembang *ambil palo* [mengambil kepala] Puteri Saadong. *Ttakuk como-como sambil como ubat dio ttakuk dio siya molek* [Disapukan ubat dan dicantumkan kepala

Puteri Saadong maka sembah dengan sempurnanya]. *Kelik duduk masing-masing lah tuh mugo Raja Abdullah marah nih* [bersurailah dan mereka tinggal berasingan kerana marah Raja Abdullah belum reda]. *Duduk daley beberapa hari dio jupo Raja Abdullah* [beberapa hari kemudian Puteri Saadong bertemu suaminya]. Raja Abdullah *kato dio tok cayo lagi ko Puteri Saadong takot sihir, kerana Puteri Saadong ni ore kesaktian* [Raja Abdullah tidak percaya Puteri Saadong kerana beliau mempunyai sihir dan merupakan orang yang memiliki ilmu kesaktian]. Lalu *dio pon marah lah* [Puteri Saadong marah]. *Dio pon pantunni* [Puteri Saadong berpantun]. “*Mung dengarlah pantun aku ni*” (Encik Kadir Yaakub berdialog) [kata Puteri Saadong menyuruh suaminya dengar pantunnya].

Pisey [pisang] emas bawak belayar,

Masak sebijik di atas peti,

Hutang emas bolehku bayar,

Hutang budi ku bawak mati.

Nak oyaknyo dio pon ambik cabuk lah pocok sanggul dio tekey Raja Abdullah [apa yang hendak diberitahu, Puteri Saadong mencabut cucuk sanggulnya maka ditikam suaminya Raja Abdullah]. Lalu Raja Abdullah *pon sakit keno tikeme dio tuh* [sakit akibat tikaman Puteri Saadong] *melayoh* [terkulai layu]. *Lepah tuh dio sambut Raja Abdullah dio ribolah Raja Abdullah* [Kemudian Puteri Saadong menyambut suaminya dan riba dipangkuannya]. Lalu Raja Abdullah *meninggal*

dunio [mangkat]. Sebelum *meninggal* [mangkat] Raja Abdullah *peseys* [berpesan]. *Kalu dio mati katey tigo lah* [tubuh Raja Abdullah dipotong tiga bahagian] *dio taney sini satu* [jasad di tanam di sini satu] (sambil menunjukkan ke arah hadapan beliau) *lebah tuh tanam mano lagi duo* [selepas itu dua lagi keratan jasadnya tidak diketahui lokasinya]. *Ado lah* [adalah lokasi yang tidak pasti]. Mengikut *sejarahnya lagu tuh lah* [sejarahnya begitulah ceritanya]. *Dio suruh katey tigo dio nih* [dipesan oleh Raja Abdullah disuruh potong jasadnya kepada tiga bahagian]. *Lalu hembus nafas terakhir taney lah di Kapong Raja Abdullah* [Lalu Raja Abdullah menghembuskan nafas terakhir dan salah satu bahagian dikerat di tanam di kampung Raja Abdullah [Padang Halban]]. (Bunyi burung)

NO : Kampung *Padey* [Padang] Halban? (Bunyi burung)

EKY : *Ho* [Ya]. *Padey Lebey tu Padey Lebey* [Padang Halban] situ *so* [satu] *pah duo lagi tok tahu lah* [lagi dua [2] tempat tidak diketahui lokasi jasa Raja Abdullah disemayamkan]. *Pokcik tok tahu* [Pakcik tidak tahu]. (Bunyi burung)

NO : *Maknonyo badey tuh kerat ah?* [Maknanya badan itu dikeratkan?]

EKY : *Ho* [Ya] *badey kerat tigo pasa peseney gitulah* [mengikut pesanan Raja Abdullah untuk dikerat kepada tiga [3] bahagian tubuh] *mengikut sejaroh*

Pokcik lah [mengikut kepada sejarah yang Pakcik tahu sahaja] *ore lain tok tahulah* [sejarah melalui orang lain tidak pasti]. Lepah tuh dio tak dok [Selepas itu, Raja Abdullah mangkat]. *Dio pon masing-masing dio pon kelik. Dio pon kelik* [Puteri Saadong pulang ke istananya di Mahligai]. *Duduk masing deknih Puteri Saadong. Doh hop ni mati laluh dio pon Puteri Saadong nok ninggal kampong dio gi ke kuala* [mengasingkan lalu membawa diri meninggalkan kampung Puteri Saadong ke Kuala]. *Dio gi ko kualo sakni* [Puteri Saadong ke Kuala], *dio ambik batu tigo butir ko atau tujoh butir dio pon tohok di kuala* [mengambil tiga [3] biji atau tujuh [7] biji batu lalu dicampakkannya ke dalam Kuala]. *Selagi tok timbul anak batu ni tok jejok anok cucu dio nih akan tidak jadi raja lagi* [Slagi batu yang dicampakannya tidak timbul maka tidak akan ada seorang pun anak cucunya menaiki takhta menjadi raja]. *Tigo atau tujuh gitulah* [batu itu lebih kurang tiga [3] atau tujuh [7]].

- NO : *Kualo ni situ ko?* [Kuala berada di situ ke?] (sambil tnjuk ke arah belakang rumah Pakcik) (**Bunyi burung**)
- EKY : Kualo ni dio tohok sano dekat [Kuala ni berada berhampiran--], *pah tuh tak dop dohla sehingga ko hari ni anok cucu dio tok jejak lagi kea dok naik lagi jadi raja* [selepas itu tiada seorang pun sehingga hari ini anak cucu baginda menjadi raja]. *Pasal peseney dio gitu* [Begitulah pesanan Puteri Saadong].

- NO : Macam sumpahan ke? (Bunyi burung)
- EKY : *Ya, sumpahan. Dio supoh* [Ianya adalah sumpahan dari Puteri Saadong]. *Tu kato pokcik tok se cerito hal ni nih pasal anak cucu dio, dio supoh* [Encik Kadir Yaakub memberitahu bahawa beliau tidak lagi mahu bercerita tentang kisah kerana sumpahan yang diturunkan kepada anak cucu Puteri Saadong]. *Lepah tuh nak oyak masalah boyo hop dio pero sakni nok oyk keramatan ke dop tuh* [Selepas itu, kisah buaya di atas merupakan kerahmatan lebih dikenali sebagai tuah atau tidak]. *Kijoan Tuhan nak oyak dih zahir sapa ko hari ni belaku lagi* [Itu semua dengan keizinan Tuhan nak diberitahu sehingga hari ini zahirnya masih berlaku]. *Ni oyak sungai sini tepat toho deknih* [diberitahu tentang sungai yang tempatnya air cetek] (ambil menunjukkan gaya hujung jari bertemu hujung jari membayangkan sungai cetek). *Tepat toho ni ore buat* [tempat dimana airnya cetek] *temere* [tambunan kayu yang banyak] *tepat tehey ikey* [tempat menahan ikan]. *Pah dio punggoh kayu banyok dio tambung banyok* *banyok* [Selepas itu, orang kampung memunggah kayu dengan banyaknya lalu dikumpulkan]. *Banyak kayu ni besar-besar rumoh nih* [banyaknya kayu yang dikumpul boleh dikatakan sebesar rumah Encik Kadir Yaakub (menunjukkan tangan ke atas seolah-olah gambarannya besar dan tunjuk kearah rumahnya). *Jerebung banyok nih* [Terlampau banyak]. *Lepah tuh dio wak belak dio anye* [Selepas itu orang kampung menganyam] *belak* [diperbuat daripada buluh untuk menangkap ikan] *kea [kan]* (ambil tnjuk tapak tangan) *sekat sungai* [diletakkannya atau dihalangnya kayu itu di sungai]. *Lepas tuh noyo hari nok*

igak ikey nih dok [Selepas itu, hari yang ingin menangkap ikan itu] *nok keloh ore kapung pasal dio tak dop doh ni* [orang kampong nak beriadah beramai-ramai setelah Puteri Saadong tiada]. *Nok oyak nanti pah* [Encik Kadir Yaakub akan memberitahu nanti cerita seterusnya]. *Lepah tuh dekat temerey* [Selepas itu berada di tempat tahanan ikan] *dipanggil menoro, wayang menoro, mok yong* [dipanggil orang mempersembahkan permainan tradisional seperti Mak Yong dan Menora]. *Dio main kat tebing nuh* [Dimainkan permainan tradisional di situ] *duk pujo nuh* [sedang memuja]. *Lepah tuh jugok sakni nyah masuk duo maley dio main* [Selepas itu, setelah dua malam bermain permainan traditional]. *Supo hari nih maley nih* [Seperti hari ini, malam ini (Encik Kadir Yaakub membayangkan)] *tigo maley doh kito kato dih* [sudah tiga malam berlalu]. *Hari ni nak ambik ikan doh nih* [Tibalah hari ini untuk mengambil ikan yang dipukat di sungai tadi]. *Ore rama rama tuh gak* [Orang kampong tersangat ramai], *mugo tepat meney lagi deknih* [disebabkan orang bermain permainan tradisional], *mugo nok ambik ikey lagi nih* [malah hendak mengambil ikan]. *Lepah tuh likung lah belak* [Selepas itu, orang kampong melingkungi tempat tahanan ikan] *likung belak seberey dio hok itu sakni duk likung* [melingkungi tempat tahanan ikan dari setiap penjuru]. *Jadi boyo sekor nih dok tubik ralik* [Buaya yang ada di situ tidak keluar kerana leka], *ralik guano hau dok tubik* [leka sehingga tidak keluar]. *Duk daley likungan nih* [Berada di dalam lingkungan]. “*Nih sejarah, sejarah benar nih*” [“Ini sejarah adalah sejarah yang benar” (Encik Kadir Yaakub beritahu)]. *Duk daley likunge ni* [di dalam lingkungan perangkap ikan]

ini] *lepas padu tuh ore buwe doh lah kayu* [selepas itu orang kampung membuka timbunan kayu] *mugo nak ambik ikey kekni* [disebabkan ingin mengambil hasil tangkapan ikan tersebut]. *Buwe semula wak tubik* [keluarkan timbunan kayu tersebut]. *Ore kuatlah masuk daley tuh sakni* [Seorang penduduk kampung yang gagah]. *Buwe buwe kayu ado boyo* [dibuangnya timbunan kayu yang banyak didapati ada buaya]. *Ado ore tuo tuh kato* [Ada seorang orang tua di kampung itu berpesan]. “*Jange duk katok boyo nih, kito lepas buwe*” [“Jangan dipukul buaya ini, kita lepaskannya”]. *Boyo ni gi kat ore tuh* [Buaya pergi kepada orang kampung yang gagah itu] *nyo katok* [dipukul buaya itu] *pabilo dio katok dio nih* [sesudah dipukul buaya itu oleh seseorang penduduk kampung yang gagah itu]. *Lepah tuh ore tuo ni marah* [Selepas itu, orang tua tersebut memarahinya] “*sakni aku kato jange katok, mung tok denga aku kato*” [“Tadi aku kata jangan dibunuh, engkau tidak mendengar kata-kataku”]. *Lepah tuh buko lah belak sikit nak suh boyo tuh tubik dari belak* [Selepas itu, dibuka perangkap ikan yang dibuat daripada buluh untuk memberi laluan agar buaya tersebut boleh keluar]. *Boyo ni Puteri Saadong pesey* [Puteri Saadong berpesan kepada buaya itu], *dio jangan kecoh ore* [jangan gigit atau makan orang kampung di sini]. *Maknonyo* [bermaksud] *anak cucu dio nih nak cari make dale nih* [jangan dimakan anak cucu Puteri Saadong yang ingin mencari rezeki di sini]. *Dio tok kecoh* [buaya itu tidak gigit orang kampung], *dio tok kosek* [buaya tidak mengganggu aktiviti mencari rezeki di tasik itu] (sambil Encik Kadir Yaakub menggelengkan kepalanya). *Ore tuh wak main gapo* [orang kampung bermain dengan buaya]

tersebut]. *Denga pesane nyah* [Buaya itu mendengar pesanan dari Puteri Saadong]. *Lepah boyo tuh tubik gapo sakni* [Selepas buaya itu pun keluar dari tahanan ikan tersebut]. *Demo ambik lah ike* [Orang kampung pun mengambil ikan tersebut]. *Sakni ike banyok ya amaklah* [Ikan yang ditangkap dalam tahanan buluh terlampaui banyak]. *Mugo sungai besar luah bukan main* [Kerana tasik tersebut sangat luas]. *Lepah wak naik* [Selepas ikan dinaikkan ke daratan] *bekwoh suko rio* [mengadakan kenduri dengan gembiranya] (sambil Encik Kadir Yaakub memusing-musingkan tangan beliau). *Wak bekwoh gulai gapo makan* [sambutan kenduri-kendara ketika itu]. *Malam kakre penutuplah* [pada waktu malam adalah majlis penutup], *abih dohlah main Mokyong Menoro habis.* [Maka tamatlah permainan traditional Mak Yong dan Menora]. *Lepah tuh nok oyak* [Selepas itu, nak dijadikan cerita], *anok cucu hop dio katok sakni pon kene sakit* [anak cucu kepada seorang penduduk kampung yang memukul buaya itu terkena sakit (sumpahan)]. *Keno lembik* [terkena penyakit lumpuh]. *Dio kene anok jatey dio* [Sumpahan ini terkena kepada anak lelakinya]. *Anok jatey dio bini doh la* [Anak lelaki itu sudah mempunyai isteri]. *Anok duo tigo doh* [Mempunyai beberapa orang anak]. *Anak jatey duo, anak tino duo* [Anak lelaki dua orang dan perempuan dua orang]. *Mati pok* [Setelah ayahnya meninggal dunia] *anok dio nih keno lembik* [terkena pula sumpahan ini kepada anaknya penyakit lumpuh]. *Dio berdenyut dulu sikit* [Pada mulanya berdenyut sedikit]. *Dio begerok rata jari ko* [berdenyut di sekitar jari]. Bertahun-tahun *duluh* [dahulu] (Encik Kadir Yaakub menunjuk gaya jari). *Lepah tuh koho lamo kocok*

sikit [Selepas itu, semakin lama semakin bergetar tangannya (membuat gaya terangkat tangan seolah-olah bergetar)]. *Lamo lamo tuh* [setelah lama kemudian], sapa ko tok leh jale [sehingga tidak boleh berjalan]. *Anok dio sakni* [anaknya itu], *bini dio duk caro* [isterinya menjaga anaknya ketika sakit]. *Duk caro hinggo puloh-puloh tahun* [menjaga sehingga berpuluhan-puluhan tahun]. *Mati dio* [Lalu meninggal dunia anak lelakinya itu] *anok tino dio plop* [kemudian anak perempuannya pula terkena sumpahan tersebut]. *Keno lembik jugak* [lumpuh juga] *lagu tuh jugak lah* [sama seperti itu juga]. *Mulo keno dio berdenyut pah kaki plop* [pada mulanya berdenyut kemudian berdenyut ke kaki]. *Lepah tuh buwi mimpilah ko bini dio* [Kemudian, isteri lelaki yang memukul buaya itu bermimpikan suaminya]. “*Mung tok soh berubaklah, anok mung nih tujoh keturune*” (Encik Kadir Yaakub berdialog) [kamu tidak usahlah berubat lagi, kerana anak kamu akan terkena sumpahan ini selama tujuh keturunan]. *Gak ambo duk cakap duo buley baghu-baghu nih tok dea lagi tok tahu* [Encik Kadir Yaakub memaklumkan beberapa bulan lepas telah bercakap mengenai keluarga yang terkena sumpahan ini]. *Baru empat keturunan dio nih* [Sekarang baru terkena empat [4] keturunan]. *Tigo keturune lagi tok tahu bilo nah* [Lagi tiga [3] keturunan tidak pasti bila tiba masanya]. *Epat keturune duk lembik* [sudah empat [4] keturunan terkena lumpuh]. *Sapa ko hari ni ado lagi gi tunjuk tengok duk lembik* [sampai ke hari ini masih ada terkena sumpahan Puteri Saadong]. *Nok oyak nyo kelebihan tuh* [Dimaklumkan itulah kesaktian Puteri Saadong]. *Lepah tuh nok oyak* [Selepas itu nak diberitahu] *hop boyo putih sakni* [tentang buaya

putih pula]. *Dio gi dudok di Kuala* [Buaya putih ke kuala]. *Ore putihnya bedil* [Orang Inggeris menembak buaya]. *Bedil sakni timbulah payung* [Selepas buaya di tembak timbulnya sekaki payung]. *Dio seley boyo tuh* [Buaya itu tenggelam setelah ditembak], *timbul payung kuning*. *Duduk situ payung tuh beberapa haghi* [timbulnya payung di situ beberapa hari]. “*Sejarah ni sejarah bena jgk nih*” [Encik Kadir Yaakub memberitahu penyelidik bahawa cerita ini benar]. *Timbul payung* [Timbulnya payung di Kuala setelah buaya putih itu di tembak].

NO : Payung kuning? (Penyelidik ingin mendapatkan kepastian).

EKY : Ho [Ya] payung kuning. *Lepah tuh hileylah* [Selepas itu hilanglah] payung tuh [itu]. Timbul ulat kuning tubik [Keluar ulat bewarna kuning setelah payung itu hilang]. (Bunyi burung dan ayam)

NO : Ulat kuning?

EKY : Ho [Ya] ulat kuning. Ulat ni [ini] hanyut kelaut [ke laut]. *Make di ike* [ulat di makan oleh ikan]. *Ore ambik ike* [orang ramai mengambil ikan], *make makanan hop ado ulat dale perot tuh keh?* [ulat kuning dimakan oleh ikan dan terdapat di dalam perut ikan] *Ulat nih dio duk dale puyuk air gelegok pon dio tok mati dio* [Ulat ini berada di dalam periuk ketika dimasak dalam air yang mendidih, ulat itu tidak mati]. Allahuakbar (penyelidik mencelah). *Mati ore make tuh buleh*

bawak maut [orang yang makan ikan tersebut boleh membawa maut]. *Tu kelebihan dio* [Itulah kelebihan Puteri Saadong]. *Ni kelebihan boyo* [Ini kelebihan buaya putih milik Puteri Saadong]. “*Ni sejarah ni sejarah benar*” [Encik Kadir Yaakub menyatakan cerita ini adalah benar].

NO : *Boyo putih tu ko?* [Adakah itu buaya yang berwarna putih?]

EKY : *Ho* [Ya] *boyo* [buaya] putih, *hop boyo itey ni lagu nih* [buaya yang berwarna hitam begitulah kisahnya yang dipukul tersebut], *hop boyo tembago tuh tok dea belakunyo* [mengenai buaya tembaga, tidak ada berlaku sebarang kejadian aneh]. *Dio tak dok tuh* [buaya tidak ada--].

NO : *Tigo boyolah belakunyo?* [Hanya kisah tiga [3] ekor buaya sahaja?]

EKY : *Ho* [Ya] *tigo boyo ni ho* [hanya tiga [3] ekor buaya ini sahaja]. *Lepah tuh tak dop dohla* [Selepas itu tamat cerita]

NO : *Lepah tuh boyo tebago tuh mapuh ngan gitu ko?* [Selepas itu adakah buaya yang warna keemasan itu mati dengan begitu sahaja?]

EKY : *Boyo putih mati sele situ lah* [Kisah buaya berwarna putih terselam selepas di tembak]. *Lepah kisoh dio tubik, tubik ulat kuning* [Kisah timbulnya ulat kuning].

Kisoh ni kisoh bena nok oyaknyo ni peroan, tu kito kato peroan Puteri Saadong [kisah tersebut adalah benar dikatakan haiwan pemeliharaan Puteri Saadong]. *Maknonyo supo burung laye-laye lagu tulah, burung laye* [kisah sebelum ini tentang burung layang-layang juga merupakan haiwan pemeliharaan Puteri Saadong]. “*Lepah tuh lain kali kalu ado ore nok mari siasat plop banyoklah cito Puteri Saadong. Masalah bungo mas hop ujung banyak. Pokcik tok se ceritolah. Lain kali bo lah itu nyoh. Tando lah dalam buku sak mari. Pokcik tamat dohla mulonyoh, kalu soh bendo hop lepah doh lepah lah kato. Timbul-timbul lagila jadi mari pulop nih*” (Encik Kadir Yaakub berpesan kepada penyelidik tidak mahu lagi tempat ini dijadikan bahan kajian) [“Selepas ini, jika ada lagi penyelidik mengkaji kisah tersebut, terlalu banyak untuk diceritakan. Cerita tentang bunga emas. Semua kisah ini Pakcik tidak mahu bercerita lagi. Pada masa akan datang hentikan kajian sebegini, sudah di nyatakannya dalam buku, jangan datang lagi, kerana benda yang telah lama biarlah berlalu. Tidak perlu diungkitnya lagi” (mengeluh)]. *Cito dio tok leh doh* [Walaubagaimana sekali pun kisahnya akan] *sabit ngan sejarah ni dio ake timbul Puteri Saadong* [berkait rapat dengan Puteri Saadong]. *Supo loni* [Sekarang ini], *anok sepupu dio buleh berhubung ngan* [anak sepupu kepada Encik Kadir Yaakub boleh berhubung dengan] Puteri Saadong. *Ado* [Berada] *duduk* [menetap] di Johor *loni* [sekarang ini]. *Cikgulah, dio buleh berhubung lagi lah denge-* [Bekerja sebagai guru dan boleh berhubung dengan] Puteri Saadong-.

NO : Lepah tuh Pokcik kalu pasa tepat-tepat pasa mahligai kait gajah mati, pelunggor tuh? [Selepas itu, apakah kaitan dengan nama tempat Mahligai, Gajah Mati dan Pelunggor]

EKY : *Tu [itu] Mahligai ni tepat selepas dio mandi sini dio gi duduk tepat [selepas mandi di Tasik Lelayang Mandi Puteri Saadong akan tinggal] di Mahligai tuh [itu]. Sementaro tepat [tempat sementara] Puteri Saadong duduk tuh Mahliga [Puteri Saadong tinggal di Mahligai]. Lepah tuh kelik gi kenuh [Selepas itu pulang ke sana, Bukit Marak]. Lepah tuh dio ado terowong kot dale tanoh lube [selepas itu, terdapat terowong di dalam tanah] tepat sakni tepat kito duduk sakni [tempat dimana penyelidik bersama Encik Kadir Yaakub pergi [kawasan Tasik Lelayang Mandi berhampiran rumah Encik Kadir Yaakub]]. Dio ado lube kot bawah tembuhan di sano [Ada lubang terowong yang akan tembus ke sana [Bukit Marak]].*

NO : Tembhuh di istana ko? [Terowong itu ke arah Istana ke?]

EKY : *Tembuh di Bukit Marok lah [Terowong itu ke arah Bukit Marak]. Tepat diolah situnyo [Tempat Puteri Saadong tinggal]. Maso dio ado Bukit Marak ore cukup-cukup mewoh di Bukit Marak [Ketika Puteri Saadong masih ada di Bukit Marak, orang kampung hidup terlalu mewah]. Nok ore nok bekwoh ko nok gapo [Jikalau penduduk di sana mahu mengadakan kenduri atau apa sahaja majlis], puyuk belango, pinggang mangkuk puyuk belango ni ore gi ambik tepat dio [orang*

kampung boleh menggunakan alatan pinggan mangkuk, periuk milik Puteri Saadong] *maso dio ado* [ketika Puteri Saadong masih ada]. *Tapi ore kampung situ dio wak ko mewoh dio* [Tetapi orang kampung di situ hidup mewah dengan alatan milik Puteri Saadong]. *Hop pecoh tidak ganti* [Yang pecah tidak diganti], *hop ambik dok hata* [Yang ambil tidak pulangkan] lalu *ngaib* [hilang]. *Meme ado kese loni-loni lah* [Masih ada kesan lagi di sana sehingga sekarang tempat yang menjadi persinggahan Puteri Saadong].

NO : *Ore kato kalu dio tok ata jadi--?* [Menurut orang kata, jika tidak hantar pinggan akan jadi abu?]

EKY : *Hok tuh tok soh crito lah* [tidak perlu diceritakan hal ini]

NO : *Kalu [kalau] dekat Mahligai pon ado jugak kea pingge makuk dio kea* [ada juga pinggan mangkuk Puteri Saadong kan]?

EKY : *Ado jugok* [Ada juga].

NO : *Kalu kapung Gajoh* [kalau di Kampung Gajah] *Mati tuh lagu mano tuh* [mati itu macam mana]?

EKY : *Gajoh mati tuh Pokcik tok leh crito tuh* [Kampung Gajah Mati merupakan hal yang lain, Pak cik tidak boleh ceritakan]. *Tu hal lain doh tuh* [Itu merupakan perihal lain]. *Kalu nok ambik sikit tuh jah* [Kanya ambil kisah sedikit itu sahaja]. “Allahuakbar” (Encik Abdul Kadir mengeluh). *Nok oyak spitah lalu gitu jewlah-* [Itu sahaja yang boleh diceritakan]. (Bunyi ayam dan burung)

NO : *Kalu kiro-kirolah tasik ni meme lamo* [jika dikira Tasik ini sudah agak lama] sangat *dohla* [kan]?

EKY : *Tasik ni hom memelah* [sudah pasti sangat lama]. *Smulajadi kea* [merupakan tasik semulajadi]. Tasik-tasik--. (Penyelidik mencelah “tasik semula jadi lah”).

NO : **Bukan ore dulu-duluh buat lah? [Bukankah tasik ini dibina oleh orang dahulu?]**

EKY : *Tidak, tasik smulajadi meme hop asal-asal lagi-* [Tidak, tasik itu merupakan semulajadi asli]. *Tasik ni dio banyak bendo-bendo ngaib* [Tasik ini ada banyak benda yang ngaib]. *Ado--* [Ada]. (Bunyi motorsikal).

NO : *Pokcik tok leh ingat lah brapo* [Pakcik tidak boleh ke ingat] tahun? *Meme lamo sangat lah* [memang kira sudah lama sangat ke]?

EKY : *Ho* [Ya]. *Meme lamo* [Memang lama].

NO : *Daripada Pokcik tak dop lagi dok* [Pakcik belum lahir lagi kan]?

EKY : *Ho* [Ya] *tak dop* [tiada] lagi. *Ore tuo* [orang-orang tua] dulu *crito* [ceritakan].
(bunyi motorsikal) *barey* [tasik] asli lagi *denuh* [di sana].

NO : *Maso Pokcik ado tuh meme tak dop doh lah tepat tuh?* [Masa Pakcik dilahirkan tasik itu telah kering seperti itu?] *Pokcik pernah itu dengan tuh dok lah ngan boyo tuh?* [Pakcik pernahkah terserempak dengan buaya tersebut?]

EKY : *Lepah padu tuh boyo tok kosek doh sekat dio tuh tok kosek doh* [Selepas kejadian Puteri Saadong meninggalkan tasik itu, buaya itu tidak ganggu orang kampung]. *Tak dop gapo lah* [Tiada gangguan buaya lagi]. *Sebab pesey doh oyk tuh lebih kurey dok lah, dok* [kerana pesanan Puteri Saadong terhadap buaya tersebut].

NO : *Pokcik [Pakcik] pernah jupo lah [terjumpalah buaya itu]?*

EKY : *Pernah jupo lah mugo tepat pok cik wak kijoan sano* [Pernah terserempak kerana Pakcik buat kerja di sana, (kebun getah berhampiran tasik)]. *Kok tu lah haghi-haghi duo kali sari tigo kali sari berjaley* [Di situlah hari-hari dalam beberapa kali berjalan ke sana]. *Lepah tuh tanoh alik sano* [Kemudian tanah Pakcik di sebelah sana].

NO : *Pah loni ado lagi ko boyo-boyo ko gapo? [Masih ada lagikah buaya tersebut?]*

EKY : *Boyo tak dop lah pindoh lah kuano tahulah sekor lagi tuh* [buaya sudah tiada berpindah tanpa diketahui sesiapa]. *Hop kato Boyo tembago sakni* [Yang dikatakan buaya keemasan tersebut]. Dikira cerita buaya hanya *dua* [2] warna sahaja ada kisahnya (Penyelidik mencelah) “*homlah kiro hop duo saknilah kisohnyo*” [Hanya kisah *dua* [2] ekor buaya itu sahaja]. *Tuh budok loni tengok ah nyaknyo lah tuh* [Kasihan melihat keadaan budak yang terkena sumpahan]. *Nak berjaley jadi kerahse kok eh ko keh* [Hendak berjalan tidak boleh kerana penyakit sukar bergerak]. “*Sapa tujuh keturune*” [“Sehingga tujuh [7] keturunan”]. *Ho sapa tujoh keturune* [Ya sehingga tujuh keturunan]. *Oloh-[Allah] kisah keluarga dio boleh kato sore duo keno* [Kisah keluarganya yang mengalami sumpahan itu dikatakan semua ahli keluarganya terkena]. *Keno belako alohhh siye tengok* [Kasihan melihat keadaan mereka semua].

- NO : *Ado kampung nilah?* [Mereka menetap di kampung ini ke?]
- EKY : *Duk Bukit Mok Lipoh tu jah* [Mereka tinggal di Kampung Mak Lipah].
- NO : *Buke sini dekat dengan bukit Mok Lipoh ko?* [Bukankah di sini berhampiran dengan Bukit Mak Lipah]
- EKY : *Homla* [Ya] *dio taro lah tuh* [bukit itu sempadan berhampiran dengan Kampung Padang Raja] *taro* [sempadan]-.
- NO : *Maknonyo, burung laye-laye mari nih mace dulu-dulu, ore panggil ko?* [Boleh dikatakan burung layang-layang datang menyebabkan tasik ini dinamakan Lelayang?]
- EKY : *Dio macam saknilah nak oyaknyo bule kato ko lelayang mandi ni peroan Puteri Saadong* [Tasik Lelayang Mandi boleh dikatakan disebabkan burung layang-layang pemeliharaan Puteri Saadong]. *Supo boyo sakni pon buleh kato supo peroan Puteri Saadong* [Sama juga dengan buaya yang merupakan haiwan peliharaan Puteri Saadong]. *Dio mari mandi sungai makno boyo duk jago dio* [Di saat Puteri Saadong bersiram dan di jaga oleh buaya]. *Makno kot atah makno burung laye-laye duk jago dio* [Dari atas pula, burung layang-layang memberi isyarat], *boyo* [buaya], *kot darak ni hulubalang* [di daratan ada hulubalang menjaga Puteri Saadong].

NO : *Pahtu loni burung laye-laye ado lah? [Masih ada lagikah burung tersebut di tasik itu?]*

EKY : *Hom loni burung tuh mari lagi burung tuh tiap-tiap tahun musim banjir dio mari* [Ya, burung layang-layang sehingga hari ini akan datang semasa musim banjir].

NO : *Lah lah.kok nuh lah? [Ke arah tasik ke?]*

EKY : *Tepat kato mandi saknilah* [Tempat tapak tasik sekarang ini]. *Hop Pokcik tunjuk tadi* [Yang Pakcik tunjukkan tadi]. “*Musim banjir dio mari*” [“Musim banjir burung datang”, *loni nak mari tak dop air doh* [Sekarang burung tidak datang kerana air di tasik telah kering].

NO : *Kalu dulu-dulu dari ore duk cito dulu, kalu kemarau air surut ke dop?*
[Adakah orang dahulu menyatakan air di tasik ini akan surut jika kemarau melanda?]

EKY : *Air surut jugak sikit* [Airnya surut juga]. *Surut ngoti lah daley tuh buleh ambik ike tuh* [Air cetek sehingga boleh menangkap ikan]. *Dio surut jugok sebak dio melalui air bukit* [Air surut juga kerana air melalui bukit]. *Air tepat dio mandi tuh cukup-cukup comeylah* [Air di tasik tersebut sangat cantik] *mek weh* [panggilan untuk anak gadis di Kelantan]. *Supo air mato tak dop jernih* [seperti

mata air tidak jernih]. *Supo air mato lah come air mato tuh* [Seperti mata air, sangat cantik]. *Lupur nok mari dokleh* [Lumpur tidak boleh bercampur] *pasa air mato duk tolok nih* [Kerana di halang oleh mata air], *air selut gapo doh air mato tendey* [Air lumpur tidak boleh mengalir ke dalam tasik kerana dihalangi oleh mata air]. *Hop tuh bersih mandi tepat Lelayang Mandi* [Sebab itu Tasik Lelayang Mandi boleh mandi kerana sangat bersih].

NO : *Maso tuh Pokcik pernah tengok ko Pokcik dengar cito dari sapo?* [Adakah ketika itu Pakcik pernah melihat dengan mata sendiri atau dengar cerita dari siapa?]

EKY : *Ni tepat nih air mandi tuh maso tuh Pokcik dealah tengok tepat tuh kawase dio tuh* [Tempat tasik ni Pakcik sempat mandi di situ]. *Supo kato pasal Melor lamo sakni ado ore bini ore alik tuh* [Seperti cerita tentang Melor lama, seorang penduduk di situ isterinya di situ]. *Bini dio tuh alik tuh dea kutik lagi bungo tuh* [Isteri beliau sempat memetik bunga di taman Melor]

NO : *Jadi Pakcik dea lah tengok air mato tuh? [Jadi Pakcik sempat meihat mata air di Tasik Lelayang Mandi?]*

EKY : *Dea lah tengok air mato tubik gapo tuh lebih kurang ado lah maknonyo [Sempat ketika itu melihat mata air keluar]. Makno supo [Seperti kisah] Cik Siti Wan Kembang, dio pisoh lah apabila [apabila terpisah dengan] Puteri Saadong pisoh dio [berpisah mereka]. Dio balik kat tanoh [Puteri Saadong pulang ke tempat beliau di tanah] serendah sekebun bunga kea [kan]. Lalu dio tanam pokok bungo, pokok druye [lalu ditanamnya pokok bunga dan durian], pokok bungo tanjung [pokok bunga tanjung]. Dio tane bungo tanjung ni dio cabe tigo [Dia tanam pokok bunga iaitu mempunyai tiga cabang]. Tigo cabe tuh tigo bauwea [tiga cabang pokok bunga tanjung mempunyai tiga bauan yang berlainan] nok oyak dio mati [sehingga beliau meninggal dunia] dio tinggal bau wea yang harum [beliau meninggalkan pokok yang berbau harum] dan pokok druye dio tinggal makaney yg sangat istimewo lah ore kampung tuh makey [dan pokok durian yang ditinggalnya sangat istimewa kerena dapat di makan oleh orang kampung] maknonyo tigo raso [maksudnya, durian mempunyai tiga rasa]. Makno dio mati dio tinggal nama harum [maksudnya, beliau meninggalkan nama yang harum], makane makane istimewo [makanan yang istimewa] nok oyak nyoh kisoh [inilah kisah tentang] Cik Siti Wan Kembey [Kembang] nih [ini]. (Bunyi burung).*

NO : *Kalu sungai sakni sapa lah ke Bachok nuh lah dok? [Sungai berhampiran rumah Pakcik menghala sampai ke Bachok]*

EKY : *Sapa ko Bachok* [Sampai ke Bachok]. Rapat kelaut lah [Menghala ke Bachok dan terus ke pantai]-.

NO : *Pokcik kalu diberi peluang misalan tasik tuh ado lagi loni comey kea? [Jika diberi peluang hari ini, pasti tasik ini sangat cantik kan?]*

EKY : *Tasik tuh kalu ado loni tgk ore rama* [Tasik itu jika masih ada masa kini akan ramai yang datang]. *Dio pokok-pokok buloh gapo nih banyak* [Pokok buluh banyak] *kot bira duk juta ko tebing* [terjuntai di tebing sungai] (bunyi kerusi dan camera) *pokok kayu* [pokok], air jernih *cukup-cukuplah comey* [sangat cantik], *ike amat-amat banyak dale sungai nih* [ikan banyak dalam tasik]. *Suko nyo cari ike maso dulu gak* [Gembira sangat suatu ketika dahulu semasa menangkap ikan].

NO : *Pah tuh tasik tuh duk terbia gitu lah dok* [Selepas itu, tasik telah terbiar di situ]. *Lepah tuh kat tasik tuh loni tak dop aktiviti gapo lah ko?* [Tiada sebarang aktiviti ke di kawasan tasik itu?]

EKY : *Tak dop* [Tiada].

NO : *Pah tuh kawase sini ado sawoh padi kea?* [Di kampung ini terdapat sawah padi ke]?

EKY : *Ado sawoh padi nih, mugo dio dekat ngan sungai* [ada terdapat sawah padi di sini kerena ianya berhampiran dengan sungai]

NO : *Loni ore taney padi lah banyaknyo?* [Jadi ramailah pesawah menanam padi di sini sekarang?]

EKY : *Tengok loni Pokcik tane getoh kat sungai tuh nyoh* [Tengok sekarang ini di tapak tasik Pakcik menanam pokok getah]. *Maknonyo tepat kawase dio jugok lah tuh* [Maknanya di kawasan tasik tersebutlah]. *Tane getoh tuh* [ditanam pokok getah]. “Maknonyo tepi dekat sungai belake nih [“Maksudnya, berhampiran dengan sungai belakang rumah ini” (penyelidik mencelah)]-.

NO : *Lepah tuh kalu hop Pade Raja tuh tepat--? [Selepas itu, tentang Padang Raja merupakan tempat?]*

EKY : *Padey Rajo ni tepat rajo jugok. Padey Raja ni dio panggil Raja Datu. Pokcik ingat lebih kurey gitu jah. Dio ado kubor sinih Raja Datu ni* [Padang Raja merupakan tempat raja terdahulu yang dikenali Raja Datu, dan Encik Kadir Yaakub memberitahu beliau tidak mengingatinya sepenuh kisah tersebut. Dan di sana terdaparnya kubur Raja Datu]

NO : *Raja Datu ni sapo? [Siapakah Raja Datu?]*

EKY : *Pokcik tok tahu lah sapo dio Raja Datu nih asal mari duano* [Pakcik tidak tahu siapa sebenarnya Raja Datu ini]. *Pokcik tok titih tok tahu* [Pakcik tidak bertanya pada sesiapa]. *Tapi nak oyak kubor tuh ado lah loni batu nisan ado lagi* [Tapi ingin berita bahawa peninggalan kubur dan batu nisan masih ada sehingga kini]. *Dulu banyok batu nisan tapi bokeh ko tuwe tanoh wak taney getoh* [Dulu banyak batu nisan tapi telah di gondol oleh pemilik tanah untuk menanam pokok getah] (ketawa kecil), *tinggal batu tuh jahla* [batu nisan itu sahaja yang tinggal]. *Kato Raja Datu sakni tepat dio padey nuh tepat taney padi* [Kata Raja Dato tadi, padang tersebut merupakan tempat penanaman padi] (bunyi motorsikal lalu)

NO : *Ore dekat maso ore kato dekat Utey Buloh ko mano? Raja dulu-dulu cari makane?* [Orang kata di Kampung Hutan Buluh merupakan tempat raja-raja dulu mencari makanan betul ke?]

EKY : *Dia-- ni tok ley nak cerita lah tepat cari makey tuh kawase tuh tok ley nak crito*
[Kisah mencari makanan di kawasan itu tidak dapat untuk diceritakan kerana tidak mengetahui tentang hal tersebut]

NO : *Tapi batu tuh hop maso tepat rajo tuh ada lagilah loni?* [Tapi batu yang pada masa Raja Abdullah masih wujud lagi?] *Pah kalu batu dekat-dekat maso Puteri Saadong dulu-dulu rehat-rehat ado lagi ko?* *Lepah tuh batu hop sini ni tak dop?* [Batu yang tempat raja dahulu berehat atau Puteri Saadong masih ada lagi ke tidak?]

EKY : *Hom* [Ya] *batu tepat Raja Datu sakni ado lagi batu nisan tuh* [batu nisan Raja Datu masih ada]. *Batu tepat hok Puteri Saadong dulu bukit marak jah tepat dio nyah* [Batu tersebut di Bukit Marak]. *Batu sini tak dop* [Di kawasan tasik tiada]. *Cuma Pakcik buleh duo butir batu kecik-kecik besar nih* [Pakcik dapat dua [2] biji batu kecil sebesar ini] *buleh di tepat laye mandi so* [satu [1] dapat di Tasik Lelayang Mandi], *buleh di Mahligai so* [satu [1] dapat di Mahligai]. *Pokcik duk wak kijo buleh sebutir situ* [Tempat Pakcik bekerja dulu]. *Pokcik ambik taruh* [Pakcik simpan batu itu].

NO : *Maknonyo kawase-kawase sini kait* [Maksudnya di sini kawasan kampung ini berkait] dengan Kota Mahligai lah (Kampung Mahligai sekarang ini)?

EKY : *Homla* [Ya] Kota Mahligai *hop* [hak] Puteri Saadong. Kota Mahligai *nuh kata tapok klinik* [di tapak klinik kesihatan Kampung Mahligai sekarang]

NO : *Maknonyo ado istana ko gano?* [Maksudnya terdapat istana ke?]

EKY : *Istano lah Mahligai lah* [Mahligai merupakan Istana Puteri Saadong]

NO : *Maknonyo dio lari dari ancaman siam dio wak rumoh situ ko?* [Maksudnya Puteri Saadong melarikan diri dari Siam dan membina istana di situ?]

EKY : *Dok eh* [Tidaklah] *Situ tepat persinggahé dio jah* [Disitu hanya tempat persinggahan sahaja]. *Lepas dio mandi sini dio singgoh* [Selepas bersiram di tasik, Puteri Saadong singgah ke] Mahligai *baru dio gi ko* [kemudian baru pulang ke] Bukit Marak.

NO : Kampung Pelunggor tuh [itu]?

EKY : *Hal gajoh lagi tuh Pelunggor-pelunggor ni hal gajoh* [Hal ini berkaitan dengan gajah di zaman Puteri Saadong dahulu]. *Pokcik tok leh nok cerito lah hop tuh nyoh* [Pakcik tidak boleh menceritakan perihal tersebut] (bunyi burung)-.

NO : Pakcik ada dengar *daripada muloh-muloh* [dari arwah] nenek ko air tuh sejuk ko? [Tentang sejuknya air di tasik itu?]

EKY : *Meme air mato sejuk lah* [Memang mata air di tasik itu sejuk] (ketawa kecil) pernah mandi *sejuk lah situ* [air sejuk di situ]. *Mano tepat air suci kea* [di mana airnya bersih kan]. *Air mato nih dio sejuk lah mugo air ngalir dari bukit dale akar kayu gedio* [mata air ni sejuk kerana mengalir dari atas bukit melalui akar]. *Mugo air tapisan air mato air mato ni air taphi* [mata air yang di tapis secara semulajadi]. *Kalu tidak kea nih hop mano koto-koto sakni dio tubik* [melalui akar maka segala air kotor ditapis]. *Supo kito kato kole air panah tu kea* [Ibarat kita berada di kolam air panas], *tubik sokmo* [sentiasa keluar] air panas. *Kawase lain tok tubik* [Kawasan lain tidak akan keluar] air panas *sakni* [tersebut]. *Dio tubik kawase tuh jah*. [Hanya keluar ditapak kolam air panas sahaja] *dio ni kalu sungai besar pon tepat dio tuh pasal air kotor nak masuk tok ley pasa air mato duk buwe* [sungai besar air yang kotor tidak akan mengalir kerena mata air lebih besar menghalang air kotor]. (Bunyi kenderaan dan bunyi burung).

NO : *Maknonyo Tasik Lelaye Mandi nih kalu dulu dio panggil tepat hop comey tepat masyhur* [Kiranya Tasik Lelayang Mandi ini di panggil nama begitu kerana cantik dan masyhur?]

EKY : *Tepat come hom memelah, masyhur, tidak jadi sejarah lah dio* [Tempatnya tentunya cantik, tersohor kalau tidak ini tidak jadi sejarah] (Bunyi burung). *Supo Puteri Saadong bunyi kato duk* [dikatakan bahawa Puteri Saadong pernah berada]. *Di Gunung Tebu ko Gunung Stong gitu lah duduk merata riti gotu lah Puteri Saadong* [begitulah kehidupan Puteri Saadong yang berpindah- randah]. “Hidup berpindah-pindah” (penyelidik mencelah). *Pindoh-pindoh bunyi duk* [dengar khabar berpindah-randah ke] Gunung Reng *nih* [ini], *Gunung Aye dio pindoh-pindoh* [Gunung Ayam juga lokasi Puteri Saadong berpindah randah] (bunyi motorsikal). *Jadi kalu jupo ngn sepupu tuh dio buleh cito lah duk mano-mano duo tuh boleh dihubungi* [sepupunya Encik Kadir Yaakub boleh bercerita tentang Puteri Saadong].

NO : Sepupu tuh--?

EKY : *Anok sepupu ni anok sebelah Rajo Breheng nih* [Anak saudara Pakcik adalah keturunan dari Raja Ibrahim ini] *saing* [kawan] Mat Kilau. *Pok sedaro* [bapa saudara] *pok cik lah* [Pakcik]. *Tok rajo breheng* [Raja Ibrahim] *ni ore timbul lah* [muncul orangnya]. *Maknonyo ore jago negeri* [Maksudnya orang yang mempunyai pangkat], *pok sedaro saing* [bapa saudara kawan] Mat Kilau.

NO : *Dio umo setaro pok cik ko? Mudo ko gano anak sepupu Pokcik tuh?*
[Berapakah umurnya sebaya atau lebih muda dari Pakcik?]

EKY : *Dio umo mudo lagi duo tigo gitu lah* [masih muda dua puluh [20] tahun hingga tiga puluh [30] tahun]. “*Dok johor tuh la*” [“Beliau yang berada di Johor” (penyelidik mencelah)]. *Ho duk johor dio ado tingal no telepon tok caro kecek mano* [Ya berada di Johor, dia ada memberi nombor telefon akan tetapi tidak ambil peduli]

NO : Berapa keluasan tanah Pakcik di sini, dengar kata ada *tujuh* [7] ekar betul ke?

EKY : *Ado daley duo tigo ekar jah* [Di sini dua [2] tiga [3] ekar sahaja] (ketawa kecil), *dekat tasik tuh pon daley lebih kurey tiga ekar* [berhampiran Tasik Lelayang Mandi lebih kurang tiga [3] ekar], *tepat getoh nuh ado epat ekar* [di tanah tanaman getah sebanyak empat [4] ekar], *Pokcik banyak tanohnyo* [Pakcik mempunyai banyak tanah], *tapi wak krenak nyaknyo kokre* [akan tetapi dikhianati orang lain], *sepupu lah kat dengan spuloh ekar* [oleh sepupu dalam sepuluh [10] ekar]. “Allahuakbar” (penyelidik mencelah) *doh nk wak guano Tuhey buwi lagu tuh ko dio* [tidak akan menolak takdir sudah ditentukan oleh Tuhan].

NO : *Kito nak tanyo pasal tragedi hop belaku tuh, hok berkenaan dengan Sultan Abdul Rahim hop ore kato kene tikam situ tuh gano?* [Saya ingin bertanyakan mengenai tragedi tentang Raja Abdul Rahim yang di bunuh di tasik ini?]

EKY : *Pokcik tok leh nak crito doh tu* [Pakcik tidak boleh ceritakan], *tuh hal lain tuh* [itu merupakan hal lain]. Sultan Rahim mengikut-- *tok leh nak cerito lah tuh* [tidak boleh diceritakan]. *Bo dengar hujung-hujung telingo gitu jah ore duk critonyoh* [hanya dengar dari hujung telinga sahaja cerita daripada orang]. *Tok leh nak buko-buko lah maknonyo* [Maksudnya tidak boleh untuk buka cerita tersebut], *sebak Pokcik ambik tahu hal Pokcik jah hal keturunan Pokcik tuh jah* [Pakcik hanya mengambil tahu tentang keturunan Pakcik sahaja]. *Jadi hal-hal lain tuh tok ambik ingatea hop cito tuh tak dop ingatan* [Jadi cerita perihal lain tiada dalam ingatannya]. (Bunyi burung)

NO : *Jadi kait ngan pak cik pasal Tasik Lelaye Mandi je lah tragedi berlaku situ jelah* [Jadi hanya itu sahaja tragedi yang berlaku di Tasik Lelayang Mandi?] (Bunyi burung)

EKY : *Meme tepat lah pok cik royak pasal buayo tuh bagi kesan sapa hari ni* [Maksudnya, tempat tasik ini tentang buaya ada tinggalnya kesan kerana sumpahan sehingga kini] jadi kenyataan. *Budok-budok berlaku anok cucu dio* [Kisah anak cucu yang memukul buaya seperti kisah di atas]. *Dio jadi lembik*

jadi kerasae hop jadi [Keluarganya boleh dikatakan lumpuh]. *-oh belaslah tengok* [sangat kasihan terhadap nasib ahli keluarga mereka]. *Baru pat tapih baru nk turun tujoh lapis keturunan* [Baru empat [4] keturunan perjalanan hidup mereka masih jauh untuk mencapai tujuh [7] keturunan]. *Oh lamo maso lah nk pulih penyakit dio* [mengambil masa yang lama untuk kembali kepada asal dan pulih dari penyakit itu].

NO : *Jadi Pakcik ni ado kait dengan daroh Puteri Saadong lah, hubungan lagu mano tuh?* [Jadi Pakcik ada pertalian darah dengan Puteri Saadong, Apakah hubungan Pakcik dengan Puteri Saadong?] (Bunyi burung)

EKY : *Ho kait, keturunan diolah* [Ya, ada kaitan dan Pakcik berketurunan Puteri Saadong]. *Sebak kot Rajo Jembal tuh keturunan diolah* [Sebut Raja Jembal maka ianya adalah keturunan Puteri Saadong]. (Bunyi burung)

NO : *Maknonyo kalu Puteri Saadong tak dop akan timbul Kerajaan Jembal naik ko gano?* [Setelah ketiadaan Puteri Saadong maka Raja Jembal memerintah?]

EKY : *Kalu timbul batu tuh akan timbul anak cucu dio jadi raja* [Jika timbul batu tersebut maka anak cucu Puteri Saadong menjadi raja]. (Bunyi burung)

- NO : *Batu tuh tak timbul lagi lah? [Masih tidak timbul lagi ke batu tersebut?]*
- EKY : *Batu tuh tok timbul lagi* [Batu itu masih tidak timbul]. *Sumpahe dio tu-*
[Sumpahan Puteri Saadong] (bunyi burung) ado penyiasat-penyiasat mari hok
tuh mari dumoh ni duo tigo pat ore dah mari tengok batu ngan Pokcik [sebelum
ini beberapa penyelidik datang ingin melihat batu yang diperolehi oleh Pakcik].
Gak Pokcik tok ley nk buwi batu tuh [Pakcik tidak boleh memberi lihat batu itu].
- NO : *Nih hop saya jupo buku, ado pok cik cito mulo 1995, and maso tuh pok cik*
umo empat puluh lapan maso tuh? [Ini saya jumpa buku, buku itu bertajuk
warisan Kelantan pada tahun *seribu sembilan ratus sembilan puluh lima*
[1995] mungkin umur Pakcik ketika itu lebih kurang *empat puluh lapan*
[48] tahun?]
- EKY : Boleh jadi *kali* [mungkin] (bunyi motor) *Pokcik tamat doh ni tok se buwi doh*
ore mari [Pakcik dah tamatkan tentang pengkajian Puteri Saadong, tidak
dibenarkan lagi membuat kajian di sini], *tanyo bendo nih, bendo lepas lepas lah*
[hentikan bertanyakan soalan tentang ini kerana kejadian lepas tidak perlu di
ungkit kembali], *tak dop po doh nk timbul plop* [sudah tiada apa lagi muhu
diceritakan perlu ditamatkan kajian yang akan datang]. *Skali nih tokse doh lah,*
mati ayat lah [Hanya sekali ini sahaja, selepas ini Pakcik tidak akan beri
kerjasama lagi].

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: BIODATA ENCIK KADIR YAAKUB

NO : *Jadi kito nak tanyo pasal pok cik lah pulop* [Jadi saya nak tanya mengenai Pakcik pula], *jadi ore kalu saya nak tahu nama ore kg pok cik paggil gapo?* [jika saya boleh tahu, apakah gelaran bagi nama pakecik di kampung ini?]

EKY : *Kadir jah.* [Kadir sahaja]

NO : *Pokcik asal sini beranak sini ko?* [Pakcik berasal daripada sini ke?]

EKY : Ho asal sini beranak sini [Ya, Pakcik asal dari sini dan lahir juga di sini]

NO : *Tahun bilo tuh?* [Pada tahun bilakah?]

EKY : *Tahun bilo tuh tak ingat* (bunyi motorsikal) *pasal mulo maso mulo beranok mok pok cik buwi kokre* [Pada masa Pakcik dilahirkan mak Pakcik bagi pada orang lain], *pasal dulu susoh dulu paka buwi kokre* [kerana dulu mengalami kesempitan wang jadi kerana itu mak pakecik beri pada orang]. *Surat beranok paka wak lebih kurey gitu jewlah, ore hop jong mero tuhlah.* [Surat beranak buat lebih kurang sahaja, penjaga dulu yang buatkan surat beranak tersebut]

NO : *Pokcik tahu ke dop tarikh? [Pakcik tahu ke tarikh lahir Pakcik?] ingat ke dop? [masih ingat lagikah?]*

EKY : *Pokcik tak ingat tarikh mugo ore tuo tuh gak. [Pakcik tidak ingat kerana faktor usia yang sudah meningkat ini]*

NO : *Di IC wak? [Di Identification Card ada?] nak tengok pah ni? [hendak tengok selepas ini].*

EKY : *Ado di ic, tengok lah situ. Boleh meta. [Ada di Identification Card, tengoklah disitu ya. Boleh sebentar] Allah bilik air sikit, oloh ore tuo lagu ni minum air kuat-. [Allah minta izin ke tandas sebentar, orang tua beginilah minum terlalu banyak air]. (bunyi cicak, ayam, burung)*

NO : *Pokcik jadi ado berapo adik beradik semua? [Pakcik ada berapa bilangan orang adik-beradik] Pokcik anak keberapa [Pakcik anak yang keberapakah?]*

EKY : *Ado empat, ado belako lagi, sakni kakok hop jupo jaley sakni. Pokcik anok bongsu [ada empat [4], masih hidup, sebentar tadi yang jumpa itu kakak Pakcik.]*

NO : *Hok sulong duk mno? No duo? Tigo?* [Yang sulung tinggal dimana?
Nombor dua [2]? Tiga [3]?)

EKY : *Hop sakni, no duo duk ganu, oooo dio tigo beradik* [Yang sebentar tadi, nombor dua [2] tinggal di Terengganu, oh ya, tiga [3] beradik sahaja] (Encik Kadir Yaakub baru teringat ketika itu bahawa dia mempunyai tiga adik beradik sahaja dan empat adik beradik di kira sekali dgn adik dengan ayah lain ibu sama)

NO : *Pok cik ngaji start daripada pok cik sekolah?* [Pak cik memulakan pembelajaran dari sekolah?]

EKY : *Pok cik sekolah meta jah, dalam kelas berapo tahu* [Pak cik sekolah sebentar sahaja, tidak berapa pasti sehingga peringkat berapa.] *Maklum lah duduk dengan ore* [Maklumlah tinggal dengan penjaga]. *Dio tak ambik berat mugo dulu susoh* [Dia tidak ambil peduli sebabnya dulu kami orang susah]. (Bunyi motorsikal).

NO : *Nama isteri Pokcik ingat?* [Nama isteri Pakcik ingat?]

EKY : *Ingat namo zaharo. Ado dio duk umah adik dio duk wak kuwe dio nok wak g dekat ore ngaji. Ado duk situ.* [Ingat, nama Zaharah. Dia ada duduk di rumah adiknya, sedang membuat kuih- muih untuk di bawa ke majlis mengaji Al Quran.

NO : *Nama dio? Umo dio* [Nama dia? Umur dia?]

Zaharah bt Said *aai tak ingt umo dio* [tidak ingat umurnya]

NO : *Dio wak kuih gapo? Ngaji mano?* [Dia buat kuih apa? Majlis bacaan Al-Quran di mana?]

EKY : *Tok tahulah kuwe gapo, mugo tiap-tiap jumaat dio ado kumpulan, rato- rato kalu ore panggil mano. Dio wak kuwe kat ngaji jah.* [Tidak tahu kuih apa, kerana tiap- tiap jumaat dia ada kumpulan, rata- rata kalau orang panggil dia akan buat kuih di tempat mengaji sahaja.]

NO : *Anok berapo?* [Anak berapa?]

EKY : *Anok boleh lapan, eksiden sorey ado satu maso dulu kea ado budok hop kelik mactab, anok pok cik lah kene tepuh, turun ngn bas tubik nk beli tiket bas.* [Anak ada *lapan* [8] orang, seorang kemalangan semasa baru pulang dari maktab, anak Pakcik dilanggar semasa turun daripada bas ketika hendak membeli tiket.]

- NO : *Anok no berapo tuh? [Anak yang keberapa itu?]*
- EKY : *Tuh anok no tigo, tinggal tujuh. [Anak yang ke tiga [3], jadi sekarang tinggal tujuh [7] beradik sahaja]*
- NO : *Brapo laki brapo puwe? [Bilangan anak lelaki dan anak perempuan?]*
- EKY : (Mengira) *tiga laki empat puwe* (bunyi kenderaan) [*tiga* [3] lelaki dan *empat* [4] perempuan]
- NO : *Kijo belako ko? Hop tepi ni anok pok cik jgk kea? [Bekerja semua anak Pakcik? yang tinggal bersama Pakcik ini anak Pakcik juga?]*
- EKY : *Ado hop bongsu sakni dok bini lagi. Ho hok anok sulong.* [Ada yang bongsu tinggal bersama sebab beliau belum berumahtangga dan yang anak sulung tinggal bersama juga]
- NO : *No dua kijo gapo? [Anak yang nombor dua [2] bekerja sebagai apa?]*
- EKY : *Nomo duo duk kijo ngakat ore besar bahagian api. Lepas tuh tubik tak se kijo. Kijo sendiri.* [Anak nombor dua [2] bekerja sebagai pemandu. Selepas itu berhenti dan berkerja sendiri.]

NO : *Pah nomo pak? [Seterusnya anak yang keempat [4]?]*

EKY : *Dio jadi duk kijo jabat kat pelajare Kolo Lumpor. [Dia bekerja di Kementerian Pelajaran di Kuala Lumpur.]*

NO : *Nomo limo. [Anak yang kelima [5]?]*

EKY : *Nomo limo duk sajo. Iku tok laki, tok laki dio kijo maritim duk Perok ambik kursus nyeley. Tok laki dio pegawai maritim doh tpi gak ambik kursus nyeley plop. Ore laut baso dio doh lah. [Anak yang kelima [5] menggangur, tinggal bersama suami, suaminya bekerja di bahagian maritim dan sedang mengambil khusus menyelam di dasar laut. Orang laut memang begitu.]*

NO : *Nomo ney? [Anak yang keenam [6]]*

EKY : *Nomo ney lagu tuh, askar lauk (ketawa kecil) duk laut tegoh belayar loni . dio duk ngaja dalam tuh. [Anak yang keenam [6] bekerja sebagai tentera laut dan sedang belayar dan juga mengajar di sana.]*

NO : *Ketujoh? [Anak yang ketujuh [7]]*

EKY : *Tujuh ado duk daley rumoh nih, tak dop kijo duk main amsey wayar reng habis ngaji doh. [Anak yang ketujuh [7] ada didalam rumah, masih tiada kerja tetapi bekerja di bahagian pemasangan wayar selepas habis pengajian]*

NO : *Sore jahla tak nikoh lagi? Kalu nok tanyo namo anak ingt dop awal sapa akhir? [Seorang sahaja yang masih tidak berkahwin? Jika Pakcik masih ingat, saya ingin bertanya tentang nama anak Pakcik dari awal hingga akhir.]*

EKY : *Ho sore jah. nama anaknya ingat hop sulong [Ya, seorang sahaja, nama anaknya ingat yang sulung] Zahrulwati, Zaidi, Zaidah, Suhaida, Ayuzi Hasafalina, Muhd Alif, Muhd Hakimi*

NO : *Pokcik jadinya duk kg wak kijo- kijo kampung gtuu lah? [Pakcik jadinya tinggal di kampung melakukan kerja- kerja kampung?]*

EKY : *Kijo-kijo kampung jah* [Kerja kampung sahaja]. *Pokcik pon mugo ado nyakit* [Pakcik ada penyakit], *Pokcik kene jntung masuk dua kali masuk wad* [Pakcik kena serangan jantung dan telah di tahan di wad]. *Ni boleh lah sikit wak kijo* [sekarang boleh melakukan kerja- kerja ringan]. *Pokcik kene jantung pokcik duk molek- molek gini jah* (menunjukkan dirinya yg berada di atas kerusi).

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: TRAGEDI TASIK LELAYANG MANDI

- NO : *Kironyo tasik nih tubik daripado mano? [Dari mana asal nama tasik ini?]*
- EKY : Tasik *nih asal lagi ore tuo tubik tasik sebabnya situ tasik* [dari orang tua dahulu asalnya nama tasik disebabnya adanya tasik di situ], *lelaye tuh burung laye-laye maknonyo Puteri Saadong lah melalui tuh* [Lelayang di sebabkan burung layang-layang yang dikatakan haiwan peliharaan Puteri Saadong]. *Laye-laye buke duk* [burung layang-layang bukan asal] sini *mugo laye-laye duk* [burung layan-layang itu asal dari] pulau. *Ore ambik buih dio* [orang mengambil buih-buih burung layang-layang]. Burung *laye-laye* [layang- layang] *nih* [ini] burung *pula bukan burung kampung dok* [ini asalnya dari pulau bukan dari asal kampung ini]. *Sabit dio mandi sini sabit saknilah* [Mandi pula dikatakan Puteri Mandi] kerana Puteri Saadong. *Sapa ko loni mari ngunjung lagi sapa tahap tuh* [hingga ke hari ini burung layang-layang masih mengunjung di tasik ini]. *Dio ingat anak cucu cicit dio mari* [burung layang-layang ingatkan cucu cicit mereka dahulu]. *Maknonyo tiap-tiap tahun dio mari* [Maksudnya setiap tahun burung layang-layang datang ke tasik ini].

NO : *Maknonyo* [Maksudnya] Puteri Saadong datang bersiram dan berkaitlah dengan burung *laye-laye / layang-layang*?

EKY : *Kerano* [kerana] Puteri Saadong *nilah dio* [burung layang-layang] *duk sambut kedatange* [kedatangan] Puteri Saadong *duk* [duduk] mandi sini. “*Ho tu kelik doh*” [“Itu sudah pulang”] (Dia memberitahu isterinya pulang). *Pokcik umoh ni ado kero dulu*. [Encik Kadir Yaakub memberitahu dahulu rumah ini mempunyai kera].

NO : *Kiro ore kapung pehe* [Orang kampong faham] *dohlah* [sudah] *dengan bunyi-bunyi nate* [dengan bunyi- bunyi binatang] *kiro ado bendo lah tuh* [menandakan ada sesuatu perkara pelik]? *Ado rima ko kok ni* [adakah disini ada harimau]?

EKY : *Kiro tiko-tikonyo mari kok nih* [Ada ketikanya harimau ada di sini] (Makcik mencelah) “*ado babi jah banyok kawase ni*” [ada babi banyak di kawasan ini]. *Tane lanas banyok jugok belake umoh* [Banyak pokok nenas di tanam di belakang rumah] *make babi* [dimakan oleh babi]. *Dulu Pokcik ado bede* [dahulu Pakcik telah menembak menggunakan senapang miliknya]. *Kalu male-male bunyi kero* [Jikalau malam hari terdengar bunyi kera] *krok* (Encik Kadir Yaakub buniyan seolah-olah bunyi kera) *ado nate gak ambik bedil* [jika ada binatang berbahaya lalu di ambil senapangnya itu] *suloh pah bedil* [disuluh dengan lampu suluh lalu ditembaknya] *pong* (seolah-olah bunyi tembakan). *Kalu ular sakni*

[kalau ular tadi] *bunyi kreh kreh* (seolah-olah bunyi ular) *kene beringat lah tuh ado ular* [perlu berjaga-jaga menandakan di situ ada ular]. *Tu bedil tu* [itulah sebabnya menembak] *jadi kito* [jadi kita] *tahu soro nate* [suara binatang] *bunyi lagu nih tuh ado bendo* [bunyinya memberi amaran ada sesuatu berbahaya].

NO : **Comelah kiro tasik nih tok le nk oyak lah kea? [Memang cantikkan tasik tersebut?]**

EKY : *Come come lah* [sangat-sangat cantik] *mek* [panggilan untuk gadis Kelantan] *weh dulu* [suatu ketika dahulu]. *Air biru* [Airnya berwarna biru]

NO : **Dio mace ado tame-tame ko dlu? [Adakah ianya diibarat seperti taman-taman untuk beriadah]**

EKY : *Mace tame* [Macam taman]. *Mugo tepat sejarah tepat demo-demo tuh mari mai* [sebabnya tempat sejarah dimana tempat orang-orang zaman Puteri Saadong bermandi-manda] (bunyi burung), *tapi koho lamo koho pupuh doh la* [tetapi semakin lama semakin pupus tasik tersebut]. “*Mugo tak dop ore cari kedio*” [“Sebab tiada orang ambil peduli tentang tasik ini”] (penyelidik mencelah). *Ho tak dop ore caro* [Ya tiada orang menjaga tasik ini]. “*Kalu dulu kalu ado ore jago sapa loni jadi tepat ore mari sokmo*” [“Jika tasik ini dijaga dikekalkan keasliannya mungkin pada hari ini tasik ini akan dikunjungi orang ramai.

“Sayelah, kito baco buku ni pon ado kato come, air bersih” [Sayangnya, saya ada membaca buku warisan Kelantan ada menyatakan tentang tasik ini sangat cantik dan airnya bersih (penyelidik mencelah)]. *Air bersih air mato cari duanolah, tak dok air matonyo tok soh duk tandinglah* [Mata air di tasik tersebut yang bersih tiada tandingan]

NO : *Air mato tuh* [adakah mata air mengalir] dari **Bukit Mak Lipah** *ni ko* [ini ke]? (**Bunyi burung**)

EKY : Dari **Bukit Mak Lipah** *nilah* [inilah], *cito* [cerita] tadi *pasal* [tentang] *wak tubik air koto-koto mugo air ni duk tolok sokmo kea* [air kotor tidak boleh mengalir kerana mata air menghalang air kotor]. “Jadi *ko* [ke] *air--*” (penyelidik mencelah). Jadi air bersih *dohla air tapih lah dio nih* [seperti air tapisan]. *Hok tuh nyo sedap mandi tuh.* [Nyaman apabila dapat mandi di tasik itu].

“Loni ado sungai tuh jelah, bersih jah, hok tuh sedap main tuh” [sekarang wujudnya sungai yang digali airnya bersih, seronok untuk bermandi-manda (penyelidik mencelah).] Puteri Saadong *duk* [sedang] mandi *sakni* [ketika itu], *boyo ado duk nanti jago takot apo laginyo* [buaya menjaga Puteri Saadong mengawasi di dalam tasik]. *Boyo nih duk kawal dia* [buaya mengawal kawasan dalam tasik]. *Doh kot atah nih ado doh duk ambik roung* [di atas sana burung layang-layang terbang kesana kemari sambil mengawasi Puteri Saadong]. *Ho nok oyaknyo jagoan dio tuh* [Ya, itulah haiwan peliharaan Puteri Saadong].

“*Meme ore kuaso*” [“Memang Puteri Saadong berkuasa” (penyelidik mencelah)]. *Supo ore kesaktian* [Seperti orang mempunyai ilmu kesaktian]. “*Ore hok hebat jugak lah*” [“Puteri Saadong seorang yang hebat juga” (penyelidik mencelah)]. *Ho ore hebak* [Ya orangnya sangat hebat]. *Supo saknilah* [Seperti cerita sebelum ini], *ore kerak tekok putuh duo* [Dimana di pancung dua bahagian leher Puteri Saadong]. “*Buleh nok sambung*” [“Masih boleh dicantum” (penyelidik mencelah)]. *Nok oyaknyo dio tidok bedoso* [Hendak beritahu bahawasanya Puteri Saadong tidak berdosa kerana leher yang di kerat boleh bercantum semula], *hok tula dio nak bunoh* [oleh sebab itulah, Puteri Saadong membunuh suaminya] *Rajo Dolloh* [Raja Abdullah]. *Tuh pantun dio tuh* [Sebab itulah Puteri Saadong berpantun]. “Dengarlah *patun* [pantun] aku” (Encik Kadir Yaakub mendialogkan seperti Puteri Saadong) *lalu dio patun dio sudoh patun lalu cabuk* [lalu selepas berpantun Puteri Saadong mengambil]. “*Sanggol dio*” [“Cucuk sanggol” (penyelidik mencelah).] *Ha cocok sanggul dio lalu tike* [Ya, cucuk sanggol lalu di tikam suaminya] *Rajo Dolloh* [Raja Abdullah]. *Dio pon tinggallah kapung dio* [Puteri Saadong meninggalkan kampungnya selepas kejadian tersebut] (Bunyi burung)

NO : *Maknonyo dio tike sini lah* [betul ke kisah yang di tasik ini Puteri Saadong menikam] Raja Abdullah? (Bunyi burung)

EKY : *Ho, tike* [Ya, tikam] sini.

NO : *Sesetengoh ore kato dio tertike* [sesetangah orang bercerita bahawa Puteri Saadong tertikam] Raja Abdullah? (Bunyi burung)

EKY : *Tidak tertike* [Tidak tertikam] *pasal dio buwi pantun tuh pasal duo kali doh* [kerana Puteri Saadong telah berpantun sebanyak *dua* [2] kali sebelum ini] *dio oyak* [Puteri Saadong memberitahu kepada] Raja Abdullah *tak trimo* [tidak di ambil peduli]. *Maknonyo* [bermaksud] *dio* [Putri Saadong] *sihir tok sihir* [sihir atau tidak] *tidok percaya perkatoan dio oyak* [setiap perkataan Puteri Saadong, Raja Abdullah tidak percaya]. *Dio tidok tertike* [Raja Abdullah mati bukan sebab tertikam]. *Dio tike sabit ado pantun* [selepas Puteri Saadong berpantun ditikam suaminya].

NO : *Maknonyo dio cemburulah pasal* [Maknanya Puteri Saadong cemburu oleh kerana] Raja Abdullah *nikoh lain kea* [berkahwin dengan orang lain semasa ketiadaan Puteri Saadong]?

EKY : *Meme cemburu* [Memang cemburu] *sebab nikoh* [kerana berkahwin] lain

- NO : *Nikoh ngan-- [berkahwin dengan]? (Bunyi burung)*
- EKY : *Tok ingat doh tuh [Tidak ingat siapa]. Jolo lah tuh [benarlah] sebab dio nikoh lain [Raja Abdullah berkahwin lain]*
- NO : *Mugo dio tok tunggu Puteri Saadong, mugo Puteri Saadong kato dio nak kelik kea [Jadi mengikut kebenaran cerita menyatakan Puteri Saadong meminta suaminya untuk tunggu kepulangan dari Siam kerana Puteri Saadong pasti dengan kesakian beliau akan pulang]? (Bunyi burung)*
- EKY : *Ho [Ya] (sambil memetik mancis untuk hisap rokok) dio tidak terpisoh tikam [Raja Abdullah meninggal bukan kerana Puteri Saadong tertikam], tapi dio meme pisoh tike dio mati ayat [Puteri Saadong memang sengaja menikam suaminya]. Hop tuh dio tingaal pantun nih [sebab itulah Puteri Saadong meninggalkan pantun itu]. Mugo [Disebabkan] pantun ni [ini] pantun Puteri Saadong. Tidak dok reko loni dok [bukan rekaan kini]. Pokcik tok le nok crito lagu mano [Pakcik tidak mampu untuk bercerita lagi] nok jatuh air mato [rasa ingin menangis] kalu ingat holah keturunan Pokcik [jika diimbas kembali hal keturunan Pakcik]. Tok Haji Ibrahim saing [kawan] Mat Kilau jaso dio tinggal [jasanya ditinngalkan] ore hebat jugak tuh [juga merupakan orang yang hebat]. Keluarga dio tuh Tok Kenali lah [ahli keluarganya Tok Kenali]. Keluargo Pokcik jugok lah [ahli keluarga Pakcik jugalah]*

NO : Pokcik tahu crito nih dari mok ngn muloh nenek ko cito [Dari manakah Pakcik mengetahui kisah sejarah ini, adakah melalui cerita ibu atau nenek pak cik suatu ketika dahulu]? (Bunyi burung)

EKY : *Demo tuh nyo duk crito* [meraka ibu dan neneklah ceritakan]. *Sah Tok Aji Brehim* [lingkungan sebaya umur dengan] tuh [itu]. *Mugo demo boleh berhubungi denge* [mereka suatu ketika dahulu masih boleh hubungi dengan] Puteri Saadong *nih* [ini]. *Oyak lebih kurey lah tuh-* [ini cerita secara ringkas]. (Bunyi burung). *Pokcik tamat doh ni bolah duk timbul bare-bare hop lepah tuh* [Pakcik sudah tidak mahu timbulkan kembali kisah ini, perkara yang lepas biarkan ia berlalu]. *Pokcik ingat tok se suh ore mari* [Encik Kadir Yaakub tidak mahu lagi terima kunjungan yang ingin bertanyakan hal ini lagi]. *Lain kali bolah mari* [Di lain masa usahlah kemari]. *Tok se doh* [Tidak mahu lagi]. *Mugo Pokcik kalu dulu mudo, loni pon keadaan pon tok mengizikan la, mugo Pokcik ado serange jantung tuh* [kalau dahulu Pakcik masih muda, sekarang ini keadaan Pakcik pon tidak mengizinkan kerana mempunyai penyakit jantung]. *Tok le nk crito doh* [sudah tidak mampu untuk bercerita]. *Mari perasae lagu lain dea tuo gak* [Timbul perasan yang tidak senang hati]. *Ko anok* [kepada anak] cucu *kito jadi ko terasa nok oyak* [Pakcik terasa hati untuk ceritakan hal ini] *hal apo ni daroh tuh mari ngan sendiri* [kerana perasaan yang tidak menyenangkan]. *Padahal kito tuh ore sembahye tok tinggal tu kiro dekni* [Padahal Pakcik tidak tinggal sembahyang]. *Sepatotnyo tok mari* [Sepatutnya tidak akan datang rasa sakit], *nyo mari daroh--* [naik darah] *penyakit ore tuo lagu nih* [beginilah bila sakit],

umur semakin meningkat]. “*Holah dea mari tuo*” [“Jika umur semakin tua” (penyelidik mencelah)]. *Tahu* (bunyi dari arah dapur) *tido maso loloni duk tido dale limut* [Entahlah, tidur waktu tengahari perlu berselimut (kehairanan)], *nasaboh kedok* [pelik ke tidak jika tidur pada waktu tengahari berselimut]? “*Dok lah tuh mugo musim nih panah*”. *Kiro gitu, bangun pagi kene mandi nih* [kalau diikutkan, bangun di waktu pagi pasti mandi dahulu] (ketawa kecil). *Nok oyak pelik dok pelik* [nak dibagitahu pelik sangat], *tido selimut ho pelik sungguh* [tido pastikan selimut, sangat pelik]. (Penyelidik ketawa kecil)

FMS : *Kalu tok selimut* [kalau tidak selimut tido]? (Bunyi burung)

EKY : Tok leh tidolah [Tidak boleh tidur jika begitu]. “*Tok leh tido-*” [“Tidak boleh tidur” (penyelidik mencelah)] (bunyi pinggan dari arah dapur). *Nok ketar mari* [Tiba-tiba menggil kesejukan]. (bunyi ayam) “*Tu ore kato kalu dea mari umo lanjuk gak dio jadi--*” [Bak kata orang, oleh sebab itu diumur yang telah lanjut jadi--(penyelidik mencelah)]. *Mace-mace penyakit* [pelbagai penyakit] “*sero setuk angin, kiro mace sensitih kalu oyak gapo pon cepat sero hati mudah terasa angin, sensitive,* [jika terkasar Bahasa boleh terguris hati]. *Yolah jadi gitulah* [Ya, begitulah]. *Sabik tuh kito tok maroh kokre tuo gini-gini* [Oleh itu, kita jangan marah kepada orang tua-tua]. *Ni jatuh kito, kito rasolah mari perasaan--* [Jika terkena pada kita situasi berikut, barulah terasa sendiri akibatnya] (Bunyi anak ayam dan burung).

NO : *Jange duk tinggi soro denge ore tuo, dea kito tuo kito serolah pulop, balik kito mulala-* [Jangan tinggikan suara dengan orang tua, mungkin situasi ini akan terkena semula pada kita di masa depan]. (bunyi burung dan anak ayam). *Lagu tuh lah serbo sedikitnya hop tanyo-tanyo* [Setakat itu sahajalah soalan yang ditanya] (bunyi ayam dan seseorang bercakap di sebelah rumah). *Kalu ado tuh loni tuh* [Kalau tasik masih ada sekarang ini] “tu jadi tuh-” [“akan menjadi” (FMS mencelah)] pusat *pelancong eylah* [pelancongan], *buke tapat pelaongan tapi jadi tepat ore mari hujung-hujung minggu duk rehat* [bukan tempat pelaongan akan tetapi menjadi tempat orang ramai beriadah di hujung minggu], *sayelah dok* [sayangnya]. (Bunyi burung)

EKY : *Sayelah, ike lah paling banyok* [Sayang sangat ikan sangat banyak] “*loni tak dok?* [Sekarang ini sudah tiada? (penyelidik mencelah)]. *Tak dok* [tiada], *Musim banjir saknilah mari ore wak paga sakni kea musim banjir ike naik* [musim banjir orang kampung akant membina penahan ikan dan ikan banyak ketika itu]. “*Ike gapo?*” [Ikan apa? (penyelidik mencelah)]. *Ike masing masing ike* [pelbagai jenis ikan], “*ike* [ikan] *sungailah*” (penyelidik mencelah lagi) *ho ike sunga lah* [ya, ikan sungai]. “*Ike* [ikan] *Talapia*” (penyelidik mencelah). *Air banyok tepat ado belak sakni kea serbo ike sunga naik mari* [air meningkat ditempat alat tahanan ikan, semua jenis ikan terdapat situ]. “*Hok banjir besar tu banyok?*” [Semasa musim banjir memang terdapat banyaklah ikan? (penyelidik mencelah lagi)]. *Ho banyok banjir besar tuh banyok mari* [Ya, sangat banyak]

ikan ketika banjir besar]. “*Tapi sini tok kene kea banjir, cumo uje*” [“kawasan Melor tidak terkena banjir” (penyelidik mencelah)]. *Musim banjir air naik air dale* [Musim banjir airnya sangat dalam]. *Tengok sakni belak* [Tengoklah kepada alatan menangkap ikan yang diperbuat daripada buluh] (ketawa kecil) *nanti nok uje banjir mari* [digunakan ketika hujan]. “*Air derah tuh*” [“air deras ketika hujan” (penyelidik mencelah)]. *Ho air derah* [Ya, airnya laju], *banyak la ike tepat tuh* [banyak ikan di tasik itu].

TAMAT BAHAGIAN 3

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

BAHAGIAN 1

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00:0:01	Tasik Lelayang Mandi dan burung layang-layang	Tasik Lelayang Mandi Burung Lelayang
00:00:43	Puteri Saadong dan Tasik Lelayang Mandi	Puteri Saadong Raja Abdullah Haiwan perliharaan Puteri Saadong
00:01:32	Buaya di Tasik Lelayang Mandi	Buaya Putih Buaya Tembaga Buaya Hitam
00:02:24	Puteri Saadong di lingdungi semasa bersiram di Tasik Lelayang Mandi	Harimau Kera Ular Hulu balang Buaya
00:03:50	Asal nama tempat Melor dan Puteri Saadong	Bunga Melor Pasar Melor

00:04:16	Kecantikan Puteri Saadong telah menarik perhatian Raja Siam. Berlaku konflik antara Puteri Saadong, Raja Siam dan Raja Abdullah	Puteri Saadong Raja Siam Raja Abdullah
00:09:01	Tragedi kematian Raja Abdullah	Puteri Saadong Raja Abdullah Cik Siti Wan Kembang
00:11:29	Sumpahan Puteri Saadong	Buaya perliharaan Puteri Saadong Keturunan Puteri Saadong Orang- orang kampung Payung kuning Ulat kuning Kampung Mahligai
00:18:33	Kaitan antara Kota Mahligai, Puteri Saadong dan Tasik Lelayang Mandi	Kota Mahligai Gajah Mati Pelunggor Bukit Marak Pinggan mangkuk
00:26:10	Kesan Tasik Lelayang Mandi kepada rakyat jelata	Tasik semulajadi

		Burung layang-layang
00:34:31	Kisah Sultan Abdul Rahim dan Tasik Lelayang Mandi	Sultan Abdul Rahim
00:35:51	Pencerita berketurunan Puteri Saadong dan Raja Jembal	Encik Kadir Yaakub

BAHAGIAN 2

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00:37:57	Biodata pencerita	Encik Kadir Yaakub Isterinya, Puan Zaharah Anak-anak

BAHAGIAN C

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00:55:09	Keindahan Tasik Lelayang Mandi sebelum berlaku tragedi kematian Raja Abdullah	Tasik Lelayang Mandi Mata air
01:01:40	Konflik Puteri Saadong dan Raja Abdullah - Raja Abdullah telah berkahwin lain	Raja Abdullah Raja Siam Kesaktian Puteri Saadong Cik Siti Wan Kembang

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

Tarikh	Masa	Perkara	Tindakan
7 Mac 2016 (Khamis)	9:00 pagi	Pemilihan topik: Tasik Lelayang Mandi	Pemilihan topik cadangan daripada pensyarah
	11:00 pagi	Mencari maklumat yang lebih terperinci mengenai Tasik Lelayang Mandi.	Pencarian maklumat melalui laman sesawang. Bertanya kepada ibu dan ayah serta ahli keluarga Nabilah (penyelidik) mengenai tasik tersebut.
	3:30 petang	Masih mencari maklumat ketika ini	Membuat panggilan kepada Encik Siri Neng Buah sebagai pemberi informasi dari Tumpat.
	4:00 petang	Mencari maklumat mengenai tasik yang berada berhampiran rumah saudara Nabilah (penyelidik)	Pergi ke rumah Encik Zul yang merupakan waris kepada Ibu Nabilah (penyelidik).
8 Mac 2016 (Jumaat)	8:00 pagi	Mencari calon tokoh yang berada di Sekitar kawasan Mahligai, Melor.	Menaiki motorsikal bersama Encik Zul ke rumah calon tokoh tetapi beliau tiada di rumah.
	4:00 petang	Mencari Tok Penghulu Kg Mahligai.	Pergi ke rumah Tok Penghulu yang berada di Kg Mahligai, Melor akan tetapi ketika itu beliau tiada di rumah.

9 Mac 2016 (Sabtu)	8:00 pagi	Masih mencari dan usaha dalam bertemu dengan Tok Penghulu di Kg. Mahligai, Melor.	Pergi kerumah beliau di Kg Mahligai, Melor dan beliau menolong penyelidik dengan mendapatkan maklumat tentang bakal tokoh.
	8:45 pagi	Mendapatkan maklumat daripada Encik Siri Neng Buah.	Membuat panggilan dan beliau ketika itu memberikan nama pemilik sebahagian besar Tasik Lelayang Mandi iaitu Encik Kadir bin Yaakub.
	9:30 pagi	Mencari seorang lagi calon tokoh.	Pergi ke kampong Serdang, Pak Padol bersama ibu kepada Nabilah (penyelidik) yang menemani ke rumah Cikgu Ya yang berhampiran dengan rumah emak saudara penyelidik. Tetapi cikgu tersebut tidak begitu tahu tentang tasik tersebut dan merelakan hati untuk membantu penyelidik dengan mendapatkan maklumat melalui saudara- mara.
	10:00 pagi	Mencari lokasi rumah sebenar Encik Kadir.	Pergi ke Bukit Kechik dan di situ ibu saudara kepada Nur Syahira yang merupakan kawan karib penyelidik dan ibu saudaranya telah memberikan maklumat tentang lokasi rumah Encik Kadir yang rumhanya

			berada di Kg Padang Raja
	3:30 petang	Mendapatkan maklumat teperincin tentang Encik Kadir.	Mencari lokasi rumah Encik Kadir yang berada di Kg Padang Raja laluan dari Melor menuju ke Ketereh dan bertemu dengan beliau. Kemudian penyelidik membuat temujanji bersama Encik Kadir untuk datang semula mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai Tasik Lelayang Mandi
15 April 2016 (Jumaat)	10:00 pagi	Temubual bersama pencerita Tasik Lelayang Mandi	Menemui Encik Kadir Yaakub di kediaman beliau di Padang Raja, Melor untuk melakukan temubual secara langsung.

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN

1.0 Latar Belakang Tokoh.

- Assalamualaikum. Sekarang kita bersama Encik..... di Mahligai, Kelantan. Beliau merupakan seorang.....
- Sebelum saya memulakan temubual, apakah panggilan yang sesuai untuk saya panggil Encik?
- Apakah nama penuh Encik?
- Apakah nama gelaran Encik?
- Encik berasal dari mana dan di mana tempat lahir Encik?
- Bilakah Encik dilahirkan?
- Umur Encik sekarang?
- Boleh Encik ceritakan serba sedikit tentang keluarga Encik seperti bilangan adik-beradik dalam keluarga.
- Pada tahun berapakah Encik mula mendapat pendidikan?
- Apakah taraf pendidikan Encik?
- Boleh Encik ceritakan bagaimana pendidikan pada zaman itu?
- Apakah pekerjaan Encik sebelum bersara?
- Bilakah Encik mendirikan rumah tangga?
- Apakah nama isteri Encik?
- Isteri Encik bekerja atau suri rumah?
- Berapakah bilangan anak hasil dari perkahwinan Encik dan isteri?
- Berapa lelaki dan berapa perempuan?
- Adakah mereka semua sudah berkahwin?
- Kalau tidak keberatan, boleh Encik ceritakan serba sedikit tentang anak-anak Encik?
- Apakah nama anak- anak Encik dari yang sulung hingga bongsu?
- Apakah pekerjaan anak- anak Encik?
- Adakah semua anak-anak Encik menetap di rumah ini?
- Berapa orang cucu Encik?

- Encik bersara pada umur berapa?
- Apakah aktiviti Encik selepas bersara?
- Berapa lamakah Encik tinggal disini?
- Jika tidak keberatan, bolehkah kami tahu apakah alamat rumah Encik ini?
- Jika kami boleh tahu, adakah kawasan tempat tinggal Encik ini berhampiran dengan Tasik Lelayang Mandi?
- Bolehkah selepas temubual ini, Encik tunjukkan dimana lokasi Tasik Lelayang Mandi?
- Adakah kawasan tasik ini masih boleh dilihat oleh mata kasar kami.

2.0 Disebalik nama “Tasik Lelayang Mandi”.

- Bolehkah Encik menceritakan dimanakah lokasi sebenar Tasik Lelayang Mandi ini?
- Adakah Tasik Lelayang Mandi ini berhampiran dengan bandar Melor?
- Berapa batu jika perjalanan daripada Kota Bharu ke kawasan ini?
- Apakah sebab utama tasik ini diberi nama Tasik Lelayang Mandi?
- Adakah Encik tahu mengenai asal usul nama tasik ini?
- Adakah benar Tasik Lelayang Mandi ini adalah tempat perhimpunan burung lelayang?
- Bolehkah Encik cerita serba sedikit mengenai hal ini?
- Mengapakah tempat ini menjadi tumpuan kumpulan- kumpulan besar lelayang berterbangan datang bermandi- mandian?
- Menurut cerita pada zaman dahulu, Tasik Lelayang Mandi ini adalah tepat semulajadi yang sangat indah?
- Bolehkan Encik ceritakan bagaimanakah suasana indah itu?
- Adakah Encik pernah melihat sendiri suasana Tasik Lelayang Mandi yang indah itu?
- Pada pandapat Encik, patutkah kita mengembalikan semula suasana indah Tasik Lelayang Mandi?

3.0 Tasik Lelayang Mandi dan Puteri Saadong.

- Betulakah era kemasyhuran tasik ini adalah berkait rapat dengan zaman gahnya Puteri Saadong?
- Betulakah tasik ini juga adalah berkait rapat dengan suami Puteri Saadong, Raja Abdullah?
- Adakah ia juga berkenaan juga dengan Kota Mahligai?
- Bagaimanakah cerita ini bermula?
- Adakah setelah perkahwinan Raja Abdullah dengan Puteri Saadong?
- Apakah kaitan antara Raja Siam dengan Puteri Saadong?
- Berdasarkan cerita orang- orang lama, ianya adalah dendam Raja Siam kerana tidak tercapai hasratnya untuk memperisterikan Puteri Saadong?
- Adakah benar selepas berlaku pertelingkahan dengan Raja Siam, Puteri Saadong dan Raja Abdullah serta rakyatnya telah berpindah ke Kota Mahligai di Melor?
- Selepas membina kehidupan baru di Istana Mahligai, Puteri Saadong dan Raja Abdullah sering membuat kunjungan di tempat- tempat masyhur dan terkenal di zaman itu?
- Bolehkah Encik ceritakan apakah nama tempat- tempat masyhur itu?
- Apakah benar Pekan Melor adalah kawasan taman yang ditanam dengan bunga melur iaitu tempat Puteri Saadong bermain bersama dayang- dayangnya?
- Adakah tempat pemburuan Raja Abdullah bernama ‘hutan buluh’ dan tempat perhimpunan kerabat- kerabat bersama raja di ‘Padang Raja’?
- Apakah kaitannya dengan Tasik Lelayang Mandi?
- Bolehkah Encik menerangkan kepada saya apakah lagi tempat-tempat menarik yang mempunyai sejarah sepanjang pemerintahan Raja Abdullah dan Puteri Saadong di Kota Mahligai ini?
- Apakah benar fakta mengatakan bahawa tempat- tempat menarik itu tidak boleh menandingi dan mengatasi Tasik Lelayang Mandi dari segi kemasyhuran dan keutamaan

4.0 Tragedi di Tasik Lelayang Mandi.

- Berdasarkan sejarah, Tasik Lelayang Mandi ini adalah tempat dimana Sultan Abdul Rahim telah mangkat ditikam rakyatnya sendiri?
- Apakah benar sejarah ini?
- Bagaimana ia boleh terjadi?
- Bagaimanakah Sultan Abdul Rahim boleh ditikam oleh rakyatnya sendiri?
- Apakah sebab- sebabnya?
- Apakah pula kaitan antara perkelahian antara Puteri Saadong dan Raja Abdullah serta Sultan Abdul Rahim?
- Adakah ia bersangkut paut?
- Bukit Marak dan Gunung Ayam adalah antara tempat terakhir Puteri Saadong sebelum ghaib sehingga sekarang?
- Adakah ianya benar?
- Bagaimanakah perlantikan Sultan Abdul Rahim sebagai raja di Kota Mahligai terjadi?
- Adakah pengakhiran cerita di sebalik Tasik Lelayang Mandi dikatakan setelah mangkatnya Sultan Abdul Rahim di situ?
- Apakah terjadi kepada Tasik Lelayang Mandi setelah mangkatnya Sultan Abdul Rahim?
- Adakah tasik ini dibiarkan begitu sahaja selepas tragedi pembunuhan itu?
- Adakah tasik ini juga dikenakan sumpahan oleh Puteri Saadong?

SURAT

PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA denganENCIK KADIR YAAKUB..... Pada15/4/16.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyalidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan.
Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

(KADIR YAAKUB)

Pengisah

71 Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

GAMBAR

GAMBAR



Gambar 1: Perjalanan ke Tasik Lelayang Mandi



Gambar 2: Permandangan Tasik Lelayang Mandi pada masa kini



Gambar3: Mata air turun melalui bukit ini



Gambar 4: Tali air



Gambar 5: Kesan tapak Tasik Lelayang Mandi



Gambar 6: Kesan tapak Tasik Lelayang Mandi

INDEKS

INDEKS

A

Air jernih, 5, 31

B

Buaya, 2, 14, 19, 20, 25, 26, 27, 39, 53

Buaya putih, 15

Buaya tembaga, 20

Bukit Mak Lipah, 27, 53

Bukit Marak, 22, 34, 35

Burung layang-layang, 1, 2, 3, 27, 28, 50, 51, 53

C

Cik Siti Wan Kembang, 9, 30

H

Hulubalang, 3, 27

K

Kampung, 5, 12, 23, 27, 34, 35, 36

Kera, 3, 5, 51

M

Mahligai, 12, 22, 23, 34, 35

Mata air, 2, 5, 28, 30, 36, 53

Melor, 5, 6, 29, 59

P

Padang Halban, 9, 12

Payung, 3, 15, 19

Payung kuning, 19

Pokok buluh, 31

Puteri Saadong, 1, 2, 3, 5, 6, 8, 9, 12, 13, 14, 19, 20, 22, 23, 25, 27, 30, 34, 35, 36, 37, 40, 41, 50, 51, 52, 53, 55, 56, 57

R

Raja Abdullah, 7, 9, 12, 34, 53, 55, 56

Raja Datu, 33, 34

Raja Siam, 6, 8, 9

Rajo Jembal, 40

S

Sultan Rahim, 39

T

Tasik Lelayang Mandi, 1, 3, 22, 27, 28, 30, 34, 37, 38, 39

U

Ular, 3, 51

Ulat kuning, 19